

# sekata

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

- Perlukah Kita Mempunyai Bahasa Melayu Baku dan Bilakah Bahasa Melayu Harus Menjadi Bahasa Baku?
- Mengenal "Ayat" Dan "Bukan Ayat"
- Pendekatan-pendekatan Terhadap Pengajaran Nahu Bahasa Melayu, Kelebihan-kelebihan dan Kekurangan.
- Mengarang dengan Menggunakan Pengalaman Pancaindera Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa.

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN  
SINGAPURA

JILID 4 BILANGAN 1

DISEMBER 1987

ISSN 0217 – 4626

RABIUL AKHIR 1408

**ANGGOTA JAWATANKUASA  
BAHASA MELAYU  
SINGAPURA**

Haji Sidek Saniff (Pengerusi)  
Almuddin Hashim  
(Setiausaha Kht)  
Hj Wan Hussin Zohri  
Haji Muhammad Ariff Ahmad  
Hawazi Daipi  
Haji Suratman Markasan  
Haji Abdul Rahman Tahir  
Dr Liaw Yock Fang  
Drs Masran Sabran  
Kasmadi Haji Nasir  
Sardi Shariff  
Norulashikin Jamain  
Yatiman Yusoff  
Ahmad Thani Ahmad  
Harun A. Ghani  
Mohd Gani Ahmad  
Hashim Yusof

**SEKATA**  
Jil 4 – Bil 1 – Disember 1987

**KETUA EDITOR**  
Suratman Markasan

**EDITOR**

Muhammad Ariff Ahmad  
Mohammad Gani Ahmad

SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran dari Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.

Surat-surat boleh dialamatkan kepada:  
Setiausaha Kehormat  
Jawatankuasa Bahasa Melayu  
Singapura,  
Kementerian Perhubungan &  
Penerangan,  
Bangunan PSA, Tingkat 37,  
460, Alexandra Road  
Singapura 0511

**SEKATA**

- 2 Daripada Editor  
Bulan Bahasa Melayu

Masalah Bahasa

**HAJI SURATMAN MARKASAN**

- 5 Perlukah Kita Mempunyai Bahasa Melayu Baku dan Bilakah Bahasa Melayu Harus Menjadi Bahasa Baku?  
Pengetahuan/Bahasa

**HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD**

- 16 Mengenal "Ayat" Dan "Bukan Ayat"  
Pengajaran Bahasa

**DR ABDULLAH HASSAN**

- 25 Pendekatan-pendekatan Terhadap Pengajaran Nahu Bahasa Melayu, Kelebihan-kelebihan dan Kekurangan.

**NAIM DAIPI**

- 40 Mengarang dengan Menggunakan Pengalaman Pancaindera Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa.

Berita Bahasa

**HAJI SIDEK SANIFF**

- 44 Ucapan Aluan Ketua Perwakilan Singapura Dalam Sidang Ke-26 Majlis Bahasa Brunei Darussalam – Indonesia – Malaysia Pada 8.6.87.

**HAJI SIDEK SANIFF**

- 46 Ucapan Penutup Wakil Pemerhati Singapura – Sidek Saniff

## *Daripada Editor*

### *Bulan Bahasa Melayu*

BBM [Bulan Bahasa Melayu] anjuran MP [Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu Singapura] dengan motto . amalkan bahasa Melayu, telah berakhir pada 15 September 1982 [seperti yang dijadualkan oleh penganjur] setelah dimulai pada 14 Ogos 1982.

Laporan Jawatankuasa Penganjur BBM itu menunjukkan bahawa kegiatan BBM tidak berjaya kerana tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengguna bahasa itu sendiri, dan usaha penganjur tidak mendapat sokongan yang wajar daripada mass media.

Seorang anggota penasihat BBM/MP itu menulis dalam kata aluannya menerusi cendermata BBM : "untuk memastikan keterusan itu satu badan pengawal/penggerak bahasa Melayu haruslah diwujudkan. Jawatankuasa BBM boleh mengadakan program 'Bulan Bahasa' tiap tahun, dan badan pengawal tadi boleh bertindak memajukan kegiatan-kegiatan harian untuk memastikan keterusan pengalaman bahasa Melayu itu".

Nyata bahawa pelaksanaan "amalkan bahasa Melayu" itu terhenti bersama-sama penutupan rasmi BBM pada 15 September 1982, dan tidak terkesan lagi dalam kehidupan masyarakat sebagaimana yang diharapkan oleh penganjur BBM itu.

Dalam kehidupan sehari-hari dapat kita lihat semakin ramai ibu bapa Melayu yang bercakap Inggeris dengan anak-anaknya untuk melembutkan lidah dan meningkatkan keterampilan anak-anaknya berbahasa Inggeris. Tidak kurang juga sahabat kita — terutama yang terbilang intelek — yang lebih senang berbahasa Inggeris apalagi dalam mesyuarat-mesyuarat [sama ada mesyuarat tertutup atau yang terbuka] walaupun semua pemesyuarat itu terdiri daripada orang Melayu!

Dalam ucapan rasminya menyambut HUT ke-31 PWM [Per-satuan Wartawan Melayu] pada 11 Januari 1987, sambil memuji dua orang tokoh persuratan Melayu Singapura yang hendak di-anugerahi "jasawan persuratan" pada malam itu, Presiden PWM telah menyuarakan hasratnya bahawa memandangkan taraf dan penggunaan bahasa Melayu di sini, dikatakan semakin merosot, maka BBM seperti yang pernah dianjurkan MP pada tahun 1982 itu haruslah diteruskan.

Dialog antara JBMS, MP dan PWM di MENDAKI beberapa bulan lalu ia telah membuaikan pendapat bahawa pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu setempat hendaklah diajak bersama-sama memikirkan perlunya BBM seperti itu dihidupkan semula. Dan, pertemuan JBMS dengan 11 pertubuhan budaya setempat, baru-baru ini, telah bersetuju bahawa BBM harus dihidupkan semula sebagai puncak kegiatan bahasa dan budaya Melayu setempat tiap tahun atau tiap dua tahun.

BBM yang telah disetujui akan diadakan selama sebulan itu tidak akan merupakan suatu kempen tetapi ia akan merupakan penyertaan masyarakat berbahasa Melayu meng "amalkan bahasa Melayu" dan "menggunakan bahasa Melayu yang betul" dalam kehidupan sehari-hari.

Untuk menjayakan BBM yang akan dilaksanakan pada tahun 1988 [insya Allah], JBMS telah diminta oleh pertubuhan-pertubuhan yang bersedia hendak melibatkan diri dalam BBM, untuk menjadi penyelaras kegiatan menuju pelaksanaan BBM itu.

Dengan usaha bersama, melaksanakan rancangan yang sedang diatur untuk memasyarakatkan bahasa Melayu di kalangan penggunanya, mudah-mudahan BBM yang akan diadakan ini akan mencapai matlamatnya!

## PERLUKAH KITA MEMPUNYAI BAHASA MELAYU BAKU DAN BILAKAH BAHASA MELAYU HARUS MENJADI BAHASA BAKU?

*Suratman Markasan*

### Pendahuluan

Bahasa baku atau bahasa standard adalah bahasa yang digunakan dan difahami oleh rata-rata pemakai dalam satu-satu kelompok bahasa. Bahasa Melayu dialek Kelantan misalnya, tidak akan mungkin difahami seluruhnya oleh masyarakat pengguna bahasa Malaysia di luar daerah itu. Demikian pula bahasa Malaysia dialek Negeri Sembilan misalnya, tidak akan mungkin difahami seluruhnya oleh masyarakat pengguna bahasa Malaysia di luar daerah itu juga. Hanya bahasa Malaysia yang diajar di sekolah-sekolah sahaja yang rata-rata difahami oleh pemakai bahasa Malaysia. Bahasa yang boleh difahami oleh rata-rata pemakai bahasa itulah yang disebut sebagai bahasa baku atau bahasa standard. Untuk menunjukkan perbezaan sebutan antara subdialek-subdialek bahasa Malaysia di bawah ini kami turunkan beberapa contoh.

### Daftar A . Perbezaan Sebutan Subdialek B. Malaysia

S'pura B. Baku	Johor	Melaka	Perak	Kedah	K'tan	T'ganu	N. Sem
besar	beso	besaw	beso	besaq	besa	beso	bosa
tikus	tikus	tikus	tikoyh	tikuyh	tikuh	tikuh	tikuyh
kambing	kambing	kambing	kambin	kambin	kambin	kambeng	kameng
empat	empat	empat	empat	empat	pak	pak	ompeq
pukul	pukul	pukul	pukoy	pukoy	pukuq	pukuq	puko
ape	ape	ape	apa	apa	apo	ape	apo
ular	ulo	ulaw	ulo	ulaq	ula	ulo	ula
boleh	bole	bole	boleh	boleh	buleh	buleh	buleh

air	aio	aiw	ayo	ayar	air	air	ae
kerbau	kerbau	kobaw	kebaw	kebaw	kuba	kuba	kobaw
tebal	tebal	tebal	tebe	tebay	teba	teba	tobal
makan	makan	makan	makan	makan	make	makang	makan

Kelainan antara satu dialek bahasa Malaysia dengan satu dialek yang lain, bukan sahaja dari sebutannya, bahkan terdapat juga kelainan kosa katanya dan kelainan struktur ayatnya.

#### Daftar B : Perbezaan bentuk kata dan maknaya

Bahasa Melayu Baku	Dialek Kedah	Dialek Kelantan	Dialek Negeri Sembilan
waswas	wahwah	wohwoh	wahwah
berkata	royak	kecek	kato
puasa	pøsa	puaso	puaso
silakan	sila	silekeh	silo
saya	saya	ambo	oden
tak mahu	tak mahu	tokse	tak gomar

Dari segi kebiasaan struktur ayat yang digunakan oleh penutur dialek Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan bahkan setengah-setengah dialek lain berbeza dengan kebiasaan struktur bahasa Melayu baku. Hal tersebut dapat dilihat dari contoh ayat di bawah ini.

#### Daftar C : Perbezaan dari segi struktur ayat

Dialek Kelatan	Dialek Negeri	Bahasa Baku
Ambo make doh.	Oden dah makan.	Saya sudah makan.
Kerojo kito siyak doh.	Kojo oden dah siap.	Kerja saya sudah siap.
Kasut tu eno paka ko diyo.	Kasut itu miko pakay.	Kasut itu dia pakai.

Walaupun dalam bahasa Melayu Singapura tidak ada persoalan mengenai dialek, akan tetapi ada kelainan-kelainan sebutan yang dilakukan oleh

penutur-penutur bahasa Melayu Singapura itu. Kelainan-kelainan yang kami maksudkan, bukanlah kelainan dialek dari penutur-penutur yang berasal dari dialek-dialek bahasa Malaysia saja, bahkan kelainan itu timbul dari kelompok batas tempat atau kelainan dari kebiasaan individu, contohnya :

#### Daftar D : Kelainan sebutan dengan sebutan baku

Kata	Sebutan baku	Kelainan I	Kelainan II
agama	ugama	ugama	igama
almari	almari	lemari	
baharu	baharu	bahru	baru
bahagi	bahagi	bagi	
dahulu	dahulu	dulu	dolu
lubang	lubang	lobang	
masjid	masjid	mesejid	mijid
sepuluh	sepuluh	sepoh	
ubat	ubat	obat	
yang	yang	nyang	
nanas	nanas	nenas	
sadar	sadar	sedar	
langgan	langgan	lenggan	
ke	ke	kak	
di	di	pak	

Selain kelainan-kelainan itu, masih ada kelainan-kelainan dari segi tatabahasa juga. Sebagai contoh terdapat kelainan-kelainan dalam menggunakan kata depan; bentuk jamak; kataganti tanya dan lain-lain lagi. Oleh kerana itu, perlu sekali bahasa Melayu Singapura mempunyai bahasa baku. Dengan demikian akan berkuranglah masalah yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar bahasa, terutama di sekolah-sekolah. Demikian pula, akan hilanglah kesamaran kepada pengguna bahasa Melayu kita tentang mana satu yang harus dipakai

#### Ciri-ciri bahasa baku

Bahasa baku paling kurang harus mempunyai dua ciri pokok. (1) Memiliki sifat-sifat kemantapan dinamis, yang berupa kaedah atau peraturan

yang tetap. Sedang dalam bidang kosa kata dan peristilahan serta dalam bidang perkembangan ragam dan gaya ayat harus cukup terbuka pula sifatnya. (2) Memiliki ciri kecendekiawan, maksudnya bahasa Melayu harus mengungkap proses pemikiran dari berbagai bidang ilmu dan teknologi moden, tanpa menghilangkan keperibadiannya.

Untuk mencapai kemantapan ciri pertama, (Moeliono : 1974 : 1) menyatakan, perlu diusahakan pekerjaan kodifikasi bahasa. Kodifikasi tersebut menyangkut dua aspek yang penting : (1) bahasa menurut situasi pemakai dan pemakaianya : (2) bahasa menurut strukturnya sebagai suatu sistem komunikasi.

Seterusnya Moeliono menerangkan bahawa kodifikasi pertama akan menghasilkan sejumlah ragam bahasa dan gaya bahasa. Perbezaan ragam dan gaya tampak dalam pamakaian bahasa lisan dan bahasa tulisan. Masing-masing akan mengembangkan variasi menurut pemakaianya di dalam pergaulan keluarga dan sahabat; di dalam hubungan yang formal seperti administrasi pemerintahan, perundang-undangan, peradilan; dan di lingkungan pengajaran, sarana komunikasi massa, dan ilmu pengetahuan.

Kodifikasi yang kedua akan menghasilkan tatabahasa dan kosa kata yang baku. Pada umumnya yang layak dianggap baku ialah ujaran dan tulisan yang dipakai oleh golongan masyarakat yang paling luas pengaruhnya dan paling besar kewibawaannya. Termasuk di dalamnya para pejabat negara, para guru, warga media massa, alim ulama dan kaum cendekiawan.

Dalam pembinaan bahasa baku, ada lima perkara pokok yang perlu dibina. (1) ejaan, (2) istilah semua cabang ilmu, (3) kosa kata, (4) sebutan, dan (5) tatabahasa. Dalam hal pembinaan bahasa Melayu baku sebenarnya sudah dimulai pada tahun 1975, apabila Kementerian Pelajaran Singapura telah menerima Sistem Ejaan Melayu/Indonesia Baru sebagai ejaan bahasa Melayu Singapura juga. Kemudian secara diam-diam pula kita menerima istilah-istilah yang dibentuk oleh MBIM sebagai istilah bahasa Melayu Singapura juga, terutama istilah-istilah yang ada sangkut-pautnya dengan kegunaannya di sini. Dengan itu pula, bahasa Melayu Singapura dalam dua bidang tersebut telah dapat dipertingkatkan.

#### Mengapa kita perlu membakukan bahasa Melayu?

Ada dua tahap keperluan untuk membakukan bahasa Melayu Singapura.

(1) Bahasa Melayu Singapura sifatnya sebagai bahasa yang digunakan oleh penutur-penutur berbahasa Melayu di Singapura. (2) Bahasa Melayu Singapura dalam kontek bahasa serumpun dengan bahasa-bahasa Malaysia, Indonesia dan bahasa Melayu di Brunei Darussalam.

Dari segi bahasa Melayu Singapura sifatnya sebagai bahasa yang dituturkan oleh pengguna bahasa Melayu di Singapura, walaupun menurut sistem pendidikan di Singapura, bahawa bahasa Melayu Singapura tidak diperlukan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan dari sekolah dasar sampai ke peringkat pengajian tinggi, akan tetapi bahasa Melayu Singapura masih diperlukan oleh : (1) penulis untuk mengembangkan kesusastraan berbahasa Melayu Singapura, (2) warga media massa memerlukannya untuk menyampaikan berita mengenai berbagai cabang ilmu pengetahuan dunia, (3) alim ulama memerlukannya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan ajaran agama, dan (4) sekeliā pengguna bahasa bidang lainnya memerlukannya juga untuk menyampaikan hal-hal yang ada sangkut pautnya mengenai bidang mereka pula.

Bahasa Melayu Singapura dalam kontek dengan bahasa-bahasa serumpun dengan bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan bahasa Melayu Brunei Darussalam, maka keempat-empat bahasa itu perlu mempunyai satu bahasa baku, kerana : (1) bahasa Melayu Singapura dan bahasa Melayu Brunei yang pengguna bahasanya masing-masing dalam lengkongan kira-kira 380,000 dan 150,000 tidak mampu untuk berdiri sendiri-sendiri. (2) keempat-empat bahasa yang berlainan nama akan tetapi sebenarnya satu itu, akan menjadi satu bahasa kesatuan yang terkenal, dan akan menguntungkan pengguna bahasanya itu sendiri apabila nanti digunakan kira-kira lebih 130 juta manusia, (3) bahasa-bahasa tersebut yang telah menjadi satu itu, akan lebih berwibawa, dan (4) bahasa-bahasa tersebut akan menjadi penanda keperibadian penggunanya.

#### Perancangan bahasa

Untuk pembinaan bahasa baku dari lima pokok persoalan, iaitu : (1) ejaan, (2) istilah, (3) kosa kata, (4) sebutan, dan (5) tatabahasa bagi bahasa Melayu Singapura, maka bahasa baku tersebut perlulah dirancang. (Haugen : 1972 : 237 – 253) Menyatakan, bahawa perancangan bahasa perlu diadakan apabila timbul sesuatu keadaan linguistik yang tidak memuaskan bagi satu-satu masyarakat bahasa. Selanjutnya beliau menyatakan bahawa kegiatan

menyediakan sistem ejaan dan tatabahasa dan mengadakan kamus yang normatif adalah termasuk usaha-usaha perancangan bahasa. (Takdir : 1961) Menyatakan dengan istilah Perekayaan Bahasa, beliau menyebut bahawa bimbingan harus diberi dalam perkembangan bahasa dalam konteks perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupan sosial, kebudayaan dan teknologi.

Perancangan dapat dilakukan dari beberapa tahap. Tahap-tahap tersebut antaranya : (1) Perancangan tarap bahasa, (2) Perancangan untuk perancangan bahasa, dan (3) Perancangan korpus bahasa.

Oleh kerana perancangan tahap bahasa, ada hubungannya dengan persoalan politik dan ekonomi negara, maka perancangan tarap bahasa ini tidak dapat ditentukan oleh pemerintah yang memerintah negara tersebut. Dalam soal ini, pemerintah Singapura telah menentukan bahawa bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan Negara Singapura dan Bahasa Rasmi Negara Singapura ialah : (1) Bahasa Melayu, (2) Bahasa China, (3) Bahasa Tamil, dan (4) Bahasa Inggeris.

Dalam proses perkembangan negara Singapura, kami melihat bahawa selepas tahun 1975, bahawa bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang sebelumnya diajar sebagai satu matapelajaran dari sekolah rendah darjah satu, hingga menengah empat, bagi semua sekolah-sekolah di Singapura, selama antara 30 – 45 minit seminggu, telah tidak diberatkan lagi. Ada setengah sekolah terus mengamalkannya, ada setengah sekolah pula tidak mengamalkannya. Berlaku hal ini, kerana terdapat kelonggaran yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran, dengan hujah-hujah bahawa masa satu waktu yang digunakan untuk pelajaran Bahasa Kebangsaan diperlukan untuk matapelajaran yang dianggap penting. Dan sekarang ini, pelajaran Bahasa Kebangsaan yang seharusnya dipelajari seminggu sekali itu, tidak lagi berlangsung. Apakah fungsinya Bahasa Kebangsaan Singapura sekarang? Sedang dalam undang-undang dasar mengenai bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan itu, masih wujud.

Dalam hal ini, kami kira pemerintah harus meninjau kembali. Apakah fungsinya dasar Bahasa Kebangsaan itu? Jika dasar itu masih ada, haruslah dilaksanakan seperti pada mula-mula dicita-citakan. Jika tidak dapat diajarkan dari mula darjah satu di sekolah rendah, kerana dalam peringkat anak-anak yang masih muda, tidak akan mungkin mempelajari tiga bahasa sekaligus

(bahasa Inggeris, bahasa Ibunda dan Bahasa Kebangsaan), kemungkinannya boleh dimulakan selepas pelajar-pelajar masuk ke sekolah menengah satu. Dalam hal ini, masih lagi boleh diberi keutamaan bagi pelajar-pelajar yang di dalam aliran express saja yang harus mempelajari bahasa Kebangsaan.

Pun dalam dasar pengajaran bahasa dalam konteks Perancangan Tarap bahasa : (1) Pelajar-pelajar yang termasuk 10 persen terbaik dari keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah, diberi pilihan untuk mempelajari salah satu bahasa asing (bahasa-bahasa Jepun, Jerman atau Francis) di samping bahasa Inggeris dan bahasa Ibunda masing-masing. (2) Pelajar-pelajar yang sama itu, diberi pilihan pula mempelajari bahasa Ibundanya bukan di peringkat 'sebagai bahasa kedua, akan tetapi 'sebagai bahasa pertama' pula.

Jika dasar pengajaran bahasa itu dapat dilakukan, maka tidak mustahil bahawa dasar Bahasa Kebangsaan itu juga bisa dilaksanakan. Dalam hal ini, tentu sekali sesuai dengan dasar Bahasa Kebangsaan bagi Negara Singapura itu.

Perancangan Untuk Perancangan Bahasa, kami kira oleh kerana ia meliputi hal-hal yang lebih dekat kepada soal kewangan, misalnya biaya atau peruntukan mengenai pejabat, pegawai dan lain-lain perbelanjaan yang berhubung dengan hal-hal perancangan bahasa, maka Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS) yang dilantik oleh pemerintah, perlu sekali mempunyai pegawai-pegawai tetap yang mengendalikan urusan pentadbirannya. Selain itu, JBMS perlu pula menyusun satu rancangan bahasa yang menyeluruh. Sebagai contoh, bahawa ahli-ahli bahasa tidak tumbuh begitu saja tanpa diberi latihan yang mendalam dan sesuai dengan penghususannya. Berdasarkan sistem pelajaran Singapura sekarang ini, kita tidak akan melahirkan ahli-ahli bahasa Melayu, kerana di Universiti Singapura sekarang ini tidak ada pengajian bahasa Melayu khusus dalam bidang linguistik, akan tetapi pemerintah boleh menghantar mahasiswa-mahasiswa yang cenderung dalam bidang tersebut untuk mempelajarinya di universiti-universiti Malaysia atau Indonesia.

Perancangan Korpus Bahasa pula, adalah hal-hal yang benar-benar khusus mengenai perkembangan bahasa itu sendiri. Dalam hal ini, JBMS yang sekarang ini, hanya baru duduk sebagai pemerhati dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABBIM) haruslah segera menjadi anggota penuh, supaya JBMS benar-benar dapat memanfaatkan segala kerjasama

bahasa yang sudah berjalan antara Malaysia-Indonesia dan Brunei Darussalam.

#### Bila bahasa Melayu Singapura harus menjadi bahasa baku?

Bahasa Melayu Singapura sudah menjadi bahasa baku sejak sebelum perang dunia kedua dulu iaitu pada tahun 1920-an apabila bahasa Melayu (ketika itu) menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah rendah di Singapura dan di Semenanjung Tanah Melayu dan kemudian menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan di maktab-maktab perguruan Kuala Kangsar dan berpindah ke Tanjung Malim dengan nama yang cukup dikenal ketika itu sebagai Sultan Idris Training College dan di Melaka dengan nama Malay Women's Training College. Kemudian selepas perang dunia kedua, apabila pada 16 – 21 September 1956, diadakan Kongres Bahasa dan Per-suratan Melayu Yang Ketiga, dasar bahasa Melayu baku yang ada itu, di-tingkatkan lagi ketika Kongres tersebut menetapkan antara lain yang penting: (1) Penyatuan Bahasa Melayu Malaya dan Bahasa Indonesia, (2) Ejaan Bahasa Melayu Dengan Huruf Rumi, dan (3) Bunyi Bahasa Melayu Dalam Ucapan.

Tiga persoalan pokok yang dicapai oleh Kongres tersebut, jelas merupakan peningkatan dari segi Perancangan Korpus Bahasa. Apabila lahir kerjasama antara Pemerintah Indonesia dan Kerajaan Malaysia pada tahun 1972, dan dengan wujudnya MBIM, maka keputusan Kongres tentang penyatuan bahasa Indonesia-Malaysia sudah terlaksana dan apabila ejaan kedua-dua bahasa tersebut sudah 99% sama, dengan sendirinya pula pembakuan bahasa dari segi ejaan dan istilah hampir selesai.

Pembakuan bahasa dari dua segi yang belum dilaksanakan adalah : (1) Bunyi bahasa baku, dan (2) Tatabahasa baku. Oleh kerana tujuan semula kertas ini mengenai 'Bunyi bahasa baku', maka seterusnya akan kami tumpukan perhatian terhadap perkara tersebut.

#### Bunyi baku yang mana bagi Bahasa Melayu Singapura?

Berdasarkan kertaskerja yang ditulis oleh Asraf berjudul 'Bunyi Bahasa Melayu dalam Ucapan' yang telah dibahas dalam Kongres Bahasa dan Per-suratan Melayu III, pada 15 – 21 September 1956, maka keputusan telah dicapai bahawa : (1) anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang standard ialah loghat Riau-Johor tidak sesuai lagi dengan keadaan Bahasa Melayu pada masa ini, (2) Jawatankuasa Ejaan dan Bunyi bahasa ini men-

ganjurkan supaya vokal [a] dalam sukukata hidup yang akhir dalam sesuatu perkataan dibunyikan [a] dan bukan [e], (misalnya: [apa] dibunyikan [apa] ).

Ketika menolak loghat Riau-Johor sebagai bunyi bahasa Melayu, (Asraf : 1962 : 140) menyatakan bahawa loghat Riau-Johor yang sekarang hanya merupakan loghat daerah atau loghat setempat yang sudah menyimpang daripada loghat Riau-Johor yang lama yang menjadi asal dan dasar bahasa Melayu atau bahasa Indonesia yang sekarang. Dan sebagai suatu loghat setempat yang sudah menyimpang daripada bahasa Melayu umum sebagaimana yang dituliskan maka pengucapan loghat Riau-Johor yang sekarang tidaklah dapat di-terima sebagai bunyi bahasa umum pada tingkat nasional. Bunyi bahasa umum sebagaimana yang dituliskan atau diejakan dengan huruf Rumi.

Ketika menolak hujah Riau-Johor sebagai asas bunyi bahasa Melayu baku (Takdir : 1968 : 28) menyatakan, pada fikiran saya yang dinamakan bahasa Melayu Riau-Johor itu adalah suatu fiksi, suatu khayalan belaka, sebab sesungguhnya hingga sekarang saya tiada melihat penyelidikan yang sesungguhnya dari bahasa Melayu Riau-Johor itu.

S. Othman Kelantan (1983) yang sepandapat dengan Prof Sutan Takdir menyatakan, sebutan Riau-Johor hanya membuktikan taraf dialek tersebut sebagai satu daripada berpuluh-puluh dialek yang ada di Malaysia atau satu daripada beratus-ratus dialek yang ada di Indonesia.

Seterusnya Othman menyatakan, yang dikatakan loghat Riau-Johor sebagai pengucapan terdekat dalam bahasa Malaysia standard itu sebenarnya satu mitos saja.

Ketika menunjukkan kelemahan loghat atau dialek Riau-Johor yang dianggap oleh setengah orang sebagai bunyi bahasa Melayu baku, (Asraf : 84 : 5 – 8) menyatakan bahawa : (1) banyak perkataan dalam bahasa Melayu hari ini yang berakhir dengan fonem (a) tidak disebut (e) seperti yang dipertahankan, contohnya; *armada, asrama, astaka, beca, bota, cota, drama, duta, fatwa, karya, kesatria, lawa, maha, nyonya, para, paria, pesta, sastera, takwa, wanita, waspada* dan lain-lain lagi. (2) orang yang mempertahankan bunyi fonem (i) dan (u) diucapkan menjadi bunyi [e] dan [o] berdasarkan loghat Riau-Johor, apakah mereka akan menyebut kata-kata, *politik, stabil, aiskrim, analisis, unit, mabruk, sulfur, memorandum, kursus, status, institut* dengan sebutan: [politek], [stabel], [aiskrem], [analises], [unet], [mabro], [salfo], [memor-

andom] , [kursos] , [status] , [institut] . Seterusnya Asraf menyatakan bahawa sebutan baku bahasa Melayu hendaklah berdasarkan prinsip fonemik : Kata-kata dieja sebagaimana yang diucapkan dan diucapkan sebagaimana yang dieja, dan tidak ada huruf yang senyap. Ini bererti bahawa kata-kata yang dieja menurut prinsip fonemik seperti yang ada sekarang ini hendaklah diucapkan sebagaimana yang dieja, yakni *saya* disebut *saya* dan bukan *saye*, *itik* disebut *itik* dan bukan *itek*, *kurus* disebut *kurus* dan bukan *kuros*, *republik* disebut *republik* dan bukan *ripablek*, *teknologi* disebut *teknologi* dan bukan *teknoloi* dan sebagainya.

Orang-orang yang berpendapat bahawa dengan memilih bunyi baku seperti yang diutarakan oleh Asraf, kononnya kita meniru-niru ucapan orang Indonesia dan menghilangkan identiti keperibadian Melayu adalah satu pendapat yang tidak benar. Sistem bunyi baku yang kita terima dalam Kongres Bahasa dan Persuratan III, pada 16 – 21 September 1956 itu, adalah berdasarkan sistem fonemik. Dan secara kebetulan sistem bunyi yang berlaku pada bahasa Indonesia sekarang itu adalah sama dengan yang kita pilih. Harus diingat bahawa tidak semua orang Indonesia, terutama dari keturunan Jawa dapat menyebut kata-kata : *akan*, *dapat*, *datang*, *malam*, *besok*, menurut sistem fonemik. Melainkan mereka menyebutnya : [aken], [dapat], [dateng], [malem], [mbesok]. Dengan meninggalkan logat Riau-Johor tidak bererti bahawa kita telah menghilangkan identiti kita, kerana orang Melayu di seluruh Nusantara mempunyai logat yang beratus-ratus banyaknya. Orang Melayu Kelantan yang tidak dapat bercakap menurut logat Riau-Johor, apakah mereka sudah hilang identiti Melayunya. Sebaliknya jika seorang China atau India boleh bertutur menurut logat Riau-Johor, apakah mereka dapat di anggap sebagai mempunyai identiti orang Melayu?

#### Bilakah kita harus mulai sistem fonemik ini?

Kita harus mulai sebutan sistem fonemik ini sekarang juga, akan tetapi bertahap-tahap.

Keputusan yang dicapai kira-kira 30 tahun dahulu (Sept 1956) di dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III, belum dilaksanakan lagi, sedang dua keputusan lain yaitu (1) menyatukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, (2) menyamakan ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, telah bermula kira-kira 14 tahun yang lalu (Julai 1972) apa bila perjanjian kerjasama budaya dan bahasa antara kerajaan Malaysia dan pemerintah Indonesia

dan kemudian terbentuknya MBIM sebagai lembaga yang melaksanakan tugas-tugas keputusan tersebut. Sedang penyamaan sebutan belum dilaksanakan lagi.

Kita tidak perlu menunggu Malaysia menjalankan atau melakukan keputusan, baharu kita menyusul di belakangnya. Masalah yang dihadapi oleh Malaysia adalah masalah penutur bahasa Malaysia yang terdiri dari berbagai dialek yang kemudian pula sudah bercampur pula dengan soal-soal politik. Sedang kita tidak berhadapan dengan masalah yang mereka hadapi, oleh kerana itu tidak ada alasan mengapa kita harus menunggu satu masa yang kita tidak tahu bila.

Oleh kerana itu kita harus mulai melaksanakan sebutan baku sistem fonemik sekarang juga. Akan tetapi memandang bahawa beberapa hal mengenai surat menyurat dan sedikit latihan, maka baik kita mulai pada tahun 1988. (1) Kita mulai menggunakan bagi murid-murid darjah satu tahun 1988, kemudian pada tahun 1989 bererti dua tingkat akan mengguna kannya iaitu darjah satu dan darjah dua dan seterusnya, (2) Juru-hebah dan pembaca berita SBC boleh memulai lebih awal dari tahun 1988. (3) Acara rasmi pemerintah boleh dimulai pada tahun 1988, kerana mereka tidak akan menggunakan setiap hari, maka mereka perlu banyak latihan dan kebiasaan. (4) Pertubuhan-pertubuhan dalam acara-acara rasmi mereka hendaklah digalakkan menggunakan sebutan baku sistem fonemik ini. Bagi mereka yang sudah mahir boleh dimulakan sekarang juga.

#### Apakah untungnya kita membakukan sebutan BM Singapura?

Banyak kebaikan dan keuntungan yang kita dapat dari membakukan sebutan bahasa Melayu Singapura, antaranya : (1) Pengajaran bahasa Melayu terutama pada peringkat darjah rendah akan lebih mudah, (2) Memodenkan bahasa memerlukan satu bahasa yang baku, dan untuk mendapat itu perlu-lah sebutan dibakukan, (3) Komunikasi yang lebih berkesan akan dapat dilakukan, bukan sahaja antara penutur BM di Singapura, bahkan antara penutur di Singapura dengan penutur bahasa Indonesia, dan kemudiannya dengan penutur bahasa Malaysia dan penutur bahasa Melayu Brunei Darussalam, (4) Sebutan baku akan menghilangkan rasa terasingnya seseorang yang menggunakan pelat atau logat tertentu, (5) Tiada perbedaan antara tulisan dan sebutan, (6) Tiada berbezaan antara sebutan dalam nyanyian dan pembacaan sajak dengan sebutan rasmi harian.

# MENGENAL "AYAT" DAN "BUKAN AYAT"

Haji Muhammad Ariff Ahmad

## Yang dikatakan : ayat

Ayat ialah bentuk terbesar linguistik bagi sintaksis<sup>1</sup>. Satu ayat merupakan satu rangkaian beberapa kekata yang tersusun rapi menjadi perkataan yang lengkap lagi sempurna. Ayat itu boleh jadi satu rangkaian kekata yang ringkas [singkat tetapi padat; lengkap], boleh jadi pula satu rangkaian kekata yang luas [panjang lagi jelas; lengkap dengan penerangnya]. Tidak kira sama ada yang ringkas atau yang luas, ayat itu adalah terbentuk daripada dua gatra iaitu **gatra subjek dan gatra predikat**, contohnya :

(a) ayat yang ringkas [*ayat tunggal*]

\* yang tunggal bersahaja :

- (1) Muhammad duduk.
- (2) Dia membaca buku.

\* yang tunggal lanjut :

- (3) Gadis itu sedang mengaji.
- (4) Mereka yang berjaya telah menerima hadiah.

(b) ayat yang agak luas [*ayat majmuk*]

- (5) Keluarga ayah dan ibunya orang berada.
- (6) Beberapa buah pasu bunga dan pagar telah dirosakkan.
- (7) Anda di sana rindu tak makan tetapi saya di sini<sup>2</sup> rindu tak tidur.

(c) ayat yang luas [*ayat kompleks*]

- (8) Kalau tidak kerana tuan, tidaklah saya sampai ke mari<sup>3</sup>.
- (9) Beberapa buah kereta, termasuk kereta kepunyaan magistret, yang terletak di situ telah juga dirosakkan.
- (10) Muhammad Ali kembali ke masjid itu untuk mengambil kasutnya yang tertinggal dan dilihat oleh Encik Hasan yang segera meminta bantuan orang ramai menangkap Muhammad Ali.

Ayat tunggal [sama ada yang tunggal bersahaja atau yang tunggal lanjut] ialah ayat yang bersubjek dan berpredikat tunggal, Ayat majmuk mempunyai berbilang subjek dan predikat; manakala ayat kompleks pula mempunyai subjek dan/atau predikat yang diperluas, sama ada dengan ekata penerang, dengan frasa dan/atau klausa.

## Yang bukan ayat

### (a) frasa

Frasa ialah kelompok ekata yang merupakan nama atau sebutan bagi sesuatu benda, sesuatu tempat, sesuatu masa ataupun sesuatu keadaan, contohnya seperti :

- \* pasu bunga
- \* lapangan terbang
- \* pada minggu lalu
- \* majalah Sekata
- \* pada masa akan datang

dan lain-lain yang sebagainya.

### frasa namaan :

### Struktur bahasa

Struktur bahasa Melayu yang asas ialah struktur "d-m" [struktur diterangkan-menerangkan]. Frasa namaan ialah frasa yang berbentuk sama ada kata benda/nama yang diterangkan oleh kata sifat ataupun kata benda/nama yang diterangkan oleh ekata lain yang berfungsi kata sifat.

\* contoh frasa namaan yang diterangkan oleh kata sifat :

- (11) Sambutan orang ramai terhadap majalah Sekata ini adalah menggalakkan.
- (12) Penjual lontong itu ialah bekas ratu cantik Malaysia.
- (13) Dia tinggal di sebuah rumah besar di kampung kita.
- (14) Pasukan kita ialah yang memakai baju merah.

Kekata penerang yang tercap tebal dalam frasa-frasa orang ramai, ratu cantik, rumah besar dan baju merah itu ialah kata sifat,

\* contoh frasa namaan yang diterangkan oleh ekata lain yang berfungsi kata sifat ialah :

yang oleh kata benda :

- (15) Rumah Normah telah dibina di situ sepuluh tahun dahulu.
- (16) Bapanya membina rumah batu itu dengan modal lima puluh ribu dolar.

yang oleh kata kerja :

- (17) Tiap pagi, Normah bersarapan dengan *kentang rebus* tetapi adiknya lebih suka makan *ubi goreng*.

Kekata penerang yang tercap tebal dalam frasa-frasa *rumah Normah* dan *rumah batu* ialah kata benda yang berfungsi kata sifat; manakala yang tercap tebal dalam frasa-frasa *kentang rebus* dan *ubi goreng* itu pula ialah kata kerja yang berfungsi kata sifat.

Frasa yang memakai kata benda/nama sebagai ‘yang menerangkan’ membawa makna *milikan* atau *asalan*. Frasa *rumah Normah* [contoh 15] ialah frasa milikan yang membawa makna : rumah itu milik Normah, atau – jika kita meminjam sistem struktur asing – frasa *rumah Normah* itu boleh disebut “*Norma punya rumah*”<sup>4</sup>; manakala frasa *rumah batu* [contoh 16] ialah frasa asalan yang membawa makna “*rumah itu terbuat daripada batu*”.

Frasa yang memakai kata kerja sebagai ‘yang menerangkan’ ialah frasa hasilan yang membawa maksud : hasil daripada perlakuan kata kerja yang jadi penerang tadi. Frasa *kentang rebus* dan *ubi goreng* [contoh 17] ialah merupakan hasil daripada perbuatan/perlakuan ‘merebus’ dan ‘menggoreng’; kedua-dua frasa itu boleh juga disebut “*rebusan kentang*” dan “*gorengan ubi*”

Frasa-frasa seperti : *pisang salai*, *daging rendang*, *mi rebus*, *tahu goreng*, *sambal tumis*, *pulut panggang*, *telur pindang*, *ikan singgang* dan yang sebagainya adalah sekategori dengan “*kentang rebus*” dan “*ubi goreng*”; tetapi frasa-frasa seperti : *pengat pisang*, *bubur kacang*, *kari kambing*, *opor ayam* dan yang sebagainya termasuk pula dalam kategori “*rumah batu*” [contoh 16], dan frasa-frasa seperti : *sate Kajang*, *gudek Jogja*, *songkok Palembang*, *belacan Pulau Pinang*, *songket Kelantan*, *nasi Melayu nafsu Melaka* termasuk dalam kategori “*rumah Normah*” [contoh 15].

#### frasa karyaan

Frasa karyaan berbeza strukturnya daripada frasa namaan. Dalam frasa karyaan, kata keadaan [bagaimana kata kerja itu dilakukan] mendahului kata

kerja yang diterangkan, contohnya :

- (18) Encik Harun berusaha dalam usahanya kerana dia *kuat bekerja*.
- (19) Hal itu sesuai dengan anak-anaknya yang *rajin belajar*.
- (20) Isterinya pula *pandai mengajar* anak-anak mereka.
- (21) Keluarga itu patut dicontohi oleh orang-orang yang *kurang bersemangat* untuk memajukan diri.

Frasa-frasa *kuat bekerja*, *rajin belajar*, *pandai mengajar* dan *kurang bersemangat* itu ialah frasa karyaan. Frasa-frasa

- |                             |                                   |
|-----------------------------|-----------------------------------|
| * <i>kuat bekerja</i>       | bermakna : bekerja dengan kuat    |
| * <i>rajin belajar</i>      | bermakna : Belajar dengan rajin   |
| * <i>pandai mengajar</i>    | bermakna : mengajar dengan pandai |
| * <i>kurang bersemangat</i> | bermakna : tak cukup bersemangat  |

Dalam ragam silaan atau perintah, frasa karyaan itu menjadi : berkerja [lah] *kuat-kuat*, *belajar[lah] raja-rajin*, *mengajar[lah] pandai-pandai*. “*kurang bersemangat*” tidak pernah digalakkan; yang demikian, frasa itu tidak wujud dalam ragam perintah atau silaan itu.

#### frasa terkacau

Dalam pada itu, terdapat juga frasa-frasa terkacau yang selama ini terpakai dalam perbahasaan kita sehari-hari. Hal itu berlaku disebabkan oleh adanya semacam kekacauan budaya (cultural disturbance) dalam kehidupan kita sehari-hari. Dalam hal ini, biasanya, yang betul menurut tatabahasa tidak dipertimbangkan, yang dipegang orang ialah performance peribahasa “*alah bisa tegal dek biasa*”, iaitu oleh kerana sudah terpakai umum dalam masa yang lama maka kecanggungan tidak terasa lagi oleh pengguna.

Bagaimanapun, setelah mengikuti keterangan berikut ini nanti, terpulanglah kepada pengguna sendiri sama ada mereka mahu pulang kepada bahasa baku yang bertatabahasa ataupun hendak terus menggunakan bahasa basahan akibat kekacauan budaya itu.

#### \* frasa “*goreng pisang*”

Frasa : *goreng pisang*, *goreng keledek* dan *goreng keladi* sepatutnya disebut dan ditulis : *pisang goreng*, *keledek goreng* dan *keladi goreng* kerana

frasa-frasa itu sekategori dengan pisang salai, daging rendang dan lain-lain yang telah disebutkan di atas tadi [contoh 17].

Sebelum "goreng pisang" itu masuk ke kebudayaan kita, memang kita sudah punya 'pisang goreng' sezaman dengan adanya pisang rebus, pisang salai dan pisang bakar [kegemaran Pak Pandir yang "igil ada ibir idak" itu]. Pisang goreng dimasak dengan minyak makan, pisang rebus dimasak dengan air dan pisang salai dipanggang di atas api atau diperasap. Pisang goreng yang kita makan dengan dicecahkan ke gula itu disebut juga "janda kelisa".

Apabila teknik penggorengan pisang itu di-improvise oleh orang-orang Malbari<sup>5</sup> dan dijajakan berkeliling kampung dengan sebutan goreng pisang [kadang-kadang diteriakkan : goreng pisang keladi panas!] maka dari semenjak itulah kita menyebut pisang yang digoreng ala Malbari itu dengan sebutan "goreng pisang"<sup>6</sup>. Kesan sampingannya ialah banyak anak muda kita [sekarang] yang tidak kenal kepada "janda kelisa".

#### \* frasa "bola sepak"

Besar sekali kemungkinannya bahawa frasa "bola sepak" itu ialah terjemahan daripada kekata Inggeris 'football' [bolakaki]. Sebelum berkenalan dengan *bola sepak*, kita sudah pun lebih dahulu mempunya permainan yang bernama "sepak raga" [yang sekarang lebih terkenal dengan nama "sepak takraw"]<sup>7</sup>. Bagaimanapun, frasa 'sepak takraw' itu masih baku tatabahasanya<sup>8</sup> seperti nama-nama permainan lain, umpamanya : *panjat tiang* [tiang licin], *lompat pagar*, *lempar lembing*, *rentas desa* dan yang sebagainya.

Tambahan pula kekata "bola" itu telah kita ambil daripada kosa kata bahasa Portugis<sup>9</sup> [300 tahun lebih awal sebelum kedatangan Inggeris ke Alam Melayu]. Yang demikian, adalah wajar jika frasa bola sepak itu disebut : *sepak bola*.

#### \* frasa "dieja salah"

Terdapat beberapa makalah yang membincangkan tentang ejaan baru yang menggunakan frasa 'dieja salah' itu, contohnya :

- (22) Senarai kata umum yang sering dieja salah.
- (23) perkataan itu telah dieja salah oleh penulisnya.
- (24) Walaupun DERBM<sup>10</sup> telah diterbitkan, masih terdapat banyak perkataan yang dieja salah.

Berdasarkan pola frasa yang ditunjukkan dalam contoh 18, 19, 20 dan 21, kekata "salah" itu haruslah mendahului kekata "dieja", menjadikan frasa itu seharusnya disebut dan ditulis : *salah dieja*.

Andaian lain yang dapat menguji betulnya pola frasa pada contoh 18 hingga 21 itu ialah :

- (25) Perutnya menggerodak kerana dia telah *tersalah makan* di majlis jamuan pada malam tadi.
- (26) Ia telah dihukum kerana dia *salah menggunakan* kuasanya.

Frasa dalam contoh 25 ialah "*tersalah makan*" bukan '*termakan salah*'; dan dalam contoh 26 pula, frasa yang dipakai ialah "*salah menggunakan*" bukan '*menggunakan salah*'. Malah, jika PUERBM<sup>11</sup> fasal 14.3 (i) boleh di terapkan ke frasa-frasa itu, maka

- |                            |  |
|----------------------------|--|
| * <b>tersalah makan</b>    | harus ditulis : <i>tersalahmakan</i>   |
| * <b>salah menggunakan</b> | harus ditulis : <i>menyalahgunakan</i> |
| * <b>dieja salah</b>       | harus ditulis : <i>disalaheja</i> .    |

#### (b) klausa

Klausa juga merupakan kelompok kekata; tetapi klausa berbeza dengan frasa. Frasa mempunyai makna sendiri yang bebas, sedang klausa merupakan satu unit idea yang maknanya bergantung kepada subjek atau predikat sesuatu ayat yang diperluasnya, contohnya :

- \* ... mengambil kasut kirinya
- \* ... yang tertinggal di situ
- \* kalau ditakdirkan saya kaya ...
- \* walau bagaimana pun halnya ...
- \* sekalipun dia sudah lulus periksa ...

dan lain-lain yang sebagainya.

#### unsur ayat

Untuk menyampaikan sesuatu perutusan [sama ada dengan lisan atau dengan tulisan] selalu kita menggunakan ayat. Perkataan kita boleh mengilukan tanggapan penerima jika kekata-kekata yang membentuk ayat itu tidak tersusun rapi, contohnya :

- (27) Polis kemudian meneruskan serbuannya ke enam tempat lagi.
- (28) Saya akan pastikan pada masa akan datang semua barang syarikat saya untuk dieksport mempunyai perlindungan insurans.

Kekata “*kemudian*” pada contoh 27 dan frasa “*pada masa akan datang*” pada contoh 28, bukan unsur ayat. Fungsi kekata dan frasa itu dalam ayat-ayat tadi adalah sebagai *sampiran*; sampiran [bukan unsur ayat] tidak harus diperaduk dengan unsur-unsur ayat. Sampiran haruslah dikeluarkan dari ayat; ia boleh diletakkan sebelum atau sesudah ayat [mana-mana yang sesuai], seperti :

- (29) *Kemudian*, polis [pun] meneruskan serbuannya ke enam tempat lagi.
- (30) *Pada masa akan datang*, akan saya pastikan [bahawa] semua barang syarikat saya [yang hendak] dieksport mempunyai perlindungan insurans.

Dengan memisahkan sampiran daripada ayat, perutusan menjadi lebih jelas lagi tegas. Bandingkanlah ayat 27 dengan ayat 29, dan ayat 28 dengan ayat 30; nescaya akan kita dapat bahawa ayat 29 dan 30 itu lebih jelas dari pada ayat 27 dan 28.

#### *unsur terdekat*

Selain daripada perbauran antara *unsur ayat* dengan yang *bukan unsur ayat*, terdapat juga kekeliruan tanggapan perutusan yang disebabkan oleh ketidaktelitian menempatkan *unsur terdekat* di dalam ayat itu sendiri. Petikan<sup>12</sup> ayat contoh yang berikut ini :

- (31) bagaimanapun, tidak ada tuduhan telah dibuat ke atasnya kerana memiliki dadah, walaupun sewaktu ditangkap beliau memiliki dua bungkus kecil yang mengandungi bahan berwarna putih yang dipercayai heroin di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching<sup>13</sup> Isnin lalu.

Kemudian, bandingkan dengan ayat perbaikan yang berikut ini :

- (32) Bagaimanapun, tidak ada tuduhan ( ) memiliki dadah telah dibuat ke atasnya walaupun sewaktu ditangkap di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching [pada] Isnin lalu, beliau memiliki dua bungkus kecil yang mengandungi bahan berwarna putih, yang dipercayai heroin.

Jika kita analisa ayat 31 dan 32 di atas nescaya kita dapat bahawa ayat kompleksnya yang ringkas ialah :

- (33) Tidak ada tuduhan dibuat ke atasnya walaupun beliau memiliki bungkus yang mengandungi heroin.

Frasa-frasa lain seperti :

- \* waktu ditangkap
- \* dua bungkus kecil
- \* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
- \* [pada] Isnin lalu

dan klausa-klausa seperti :

- \* kerana memiliki dadah
- \* yang mengandungi bahan berwarna putih
- \* yang dipercayai . . .

itu adalah unsur-unsur peluas yang fungsinya menerangkan subjek, predikat dan objek ayat itu sahaja.

Klausa ‘kerana memiliki dadah’ itu adalah penerang kepada kekata ‘*tuduhan*’, bukan penerang kepada kekata ‘*atasnya*’. Sebab itu, klausa itu harus didekatkan dengan ‘*tuduhan*’, menjadi : **tidak ada tuduhan kerana memiliki dadah telah dibuat ke atasnya**. Demikian pula dengan frasa ‘*di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching Isnin lalu*’; frasa itu ialah penerang kepada frasa ‘*waktu ditangkap*’, bukan penerang kepada kekata ‘*heroin*’. Yang demikian, frasa itu haruslah didekatkan dengan ‘*sewaktu ditangkap*’!

1. **fonem** ialah bentuk terkecil linguistik; **morfem** terikat [bentuk kecil]; **morfem bebas** [bentuk besar]; **frasa/klausa** [bentuk lebih besar]; **ayat** [bentuk terbesar].
2. kekata ‘*sini*’ bertimbang maknanya dengan ‘*sana*’. Jika dibubuh kata depan di kekata ‘*sini*’ itu jadi ‘*di sini*’; tetapi jika dibubuh kata depan ke kekata ‘*sini*’ berubah menjadi ‘*ke mari*’.
3. **ke mari** : lihat keterangan di atas.
4. Dalam bahasa Melayu/Indonesia, frasa “*Norma punya rumah*” itu bermakna : **Normah mempunyai rumah** atau **Normah ada rumah**.

5. Menggoreng pisang cara Malbari ialah merendamkan pisang yang telah dikupas ke dalam tepung cair [biasanya : tepung beras] kemudian baru menggoreng pisang yang bersalut tepung itu; sama dengan cara Malbari menggoreng telur rebus yang dijadikan salah satu bahan "rojak keling" [sekarang dikenal dengan nama 'rojak waterloo'; di Pulau Pinang rojak itu disebut 'pesembur'].
6. Peristiwa itu berlaku mungkin di sekitar awal tahun 1930-an.
7. Perubahan nama "sepak raga" menjadi "sepak takraw" ialah disebabkan oleh perubahan teknik permainannya; seperti juga 'pisang goreng' menjadi 'goreng pisang' kerana perubahan teknik penggorengannya.
8. Masih asli : mendahului kata kerja kemudian diikuti oleh kata benda/nama yang kena lakukan oleh kata kerja itu.
9. Lihat keterangan D Gerth van Wijk dalam bukunya : Tata Bahasa Melayu [April 1889] muka surat XXI.
10. DERBM ialah Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia.
11. PUERBM ialah Panduan Umum Ejaan Rumi Bahasa Malaysia.
12. Petia bermakna : perhatikan dengan teliti dan dengan kritis.
13. Kuching ialah nama bandar [ibu kota] negeri Sarawak, di Malaysia Timur.

## PENDEKATAN-PENDEKATAN TERHADAP PENGAJARAN NAHU BAHASA MELAYU, KELEBIHAN-KELEBIHAN DAN KEKURANGAN

Oleh: Dr Abdullah Hassan

### 1. Pengenalan

Tidak ada sesuatu pendekatan atau kaedah dalam pengajaran bahasa yang dapat dikatakan terbaik dan dapat digunakan untuk semua bahasa dan semua keadaan dan untuk semua peringkat dan bahagian bahasa.

#### 1.1 Sejarah

Pendekatan dan kaedah yang telah dibentuk dan diterima setakat ini telah berubah-ubah dan bertukar-tukar bergerak daripada pendekatan deduktif yang memerlukan pelajar-pelajar mempelajari rumusan-rumusan nahu sesuatu bahasa tertentu, supaya mereka dapat memahaminya dan menggunakan rumusan tersebut dalam pemakaian bahasa berkenaan, kepada pendekatan induktif, apabila pelajar perlu mempelajari contoh-contoh penggunaan sesuatu bahasa itu dan membuat pengitlakan (generalisasi) sendiri. Di samping itu terdapat pula pendekatan yang cuba memanfaatkan kedua-dua pendekatan tersebut dan dikenali sebagai pendekatan eklektik.

Sejak dari zaman Yunani-Latin kedua-dua pendekatan ini telah digunakan silih berganti atau secara bertindih sekali gus. Walau bagaimanapun, agak jelas dilihat daripada kajian L. G. Kelly (1969) bahawa sama ada pendekatan induktif atau deduktif yang digunakan, unsur-unsur nahu tetap digunakan, cuma pendekatannya yang berlainan. Ini dapat dilihat dalam rajah di bawah.

Zaman	Pengajaran Induktif	Pengajaran Deduktif	Analisis Bahasa
Klasik	X	X	Nahu
Pertengahan	—	X	Nahu, Nahu Ramalan
Pembaharuan	X	X	Nahu
Kurun ke 18/19	—	X	Nahu Umum
Kurun ke 19/20	X	X	Linguistik, Nahu

Pada masa dahulu, para guru berpendapat bahawa nahu itu perlu dipelajari. Pengetahuan mengenai rumusan nahu akan menjamin supaya pelajar dapat menguasai bahasa yang dipelajari dengan baik. Jadi nahu dibentuk dengan tujuan tersebut dan pelajar diperlukan menghafal rumusan nahu untuk membolehkan pelajar menjadi mahir berbahasa. Pada masa ini, pendapat ini telah berubah. Pendirian baru ini mengatakan nahu perlu juga dipelajari untuk menolong seseorang itu mempelajari bahasa, tetapi kemampuan seseorang pelajar itu berbahasa tidaklah bergantung kepada sebanyak mana rumusan nahu yang dihafalnya. Biasanya nahu dipelajari menerusi contoh-contoh yang sesuai, iaitu melalui penggunaannya, dan nahu hanya diperkenalkan setelah kanak-kanak boleh menggunakan bahasa dengan baik.

## 1.2 Kritikan

Memang terdapat banyak kritikan dan sokongan terhadap kedua-dua pendekatan ini dalam pengajaran bahasa. Pada zaman Romawi lagi, para guru telah menyedari bahawa pengajaran nahu menyebabkan pelajar menolak bahasa yang dipelajari dan guru-guru menjadi bosan. Walau bagaimanapun, pengajaran bahasa moden pada zaman ini pun masih menghadapi masalah sebab pendeskripsi nahu yang teratur dan tuntas belum wujud. Oleh itu pendekatan induktif adalah jauh lebih sukar digunakan.

## 1.3 Tujuan Pengajaran Nahu

Dalam pembelajaran nahu ini, tujuan pelajar tersebut adalah penting. Kalau pelajar mempelajari nahu dengan memikirkan bahawa pembelajaran paradigma, pola, rajah-rajab tertentu itu merupakan tujuan pembelajaran itu sendiri. Kalau itulah yang berlaku, maka usaha seperti ini tidaklah bermakna langsung. Tetapi sekiranya mereka mempelajari segala rumusan nahu, pola dan paradigma-paradigma tersebut dengan maksud untuk memysampaikan pemikiran dan utusannya (mesej) dengan memilih katanama, katakerja atau kata sifat tertentu, dan mengarangnya dalam rentetan tertentu, dan dengan

itu mereka dapat menentukan makna dan maksud tertentu. Kalau itulah yang dijadikan matlamat dalam pengajaran nahu, maka tentulah pengajaran nahu tersebut mempunyai kepentingan tertentu. Pengajaran bahasa telah semakin menyedari bahawa pendekatan kognitif mestilah memberi signifikan tertentu, pembelajaran bahasa mestilah melibatkan proses pemikiran, dan guru bahasa perlulah mencari satu sistem nahu yang dapat menjelaskan struktur bahasa supaya pelajar dapat menggunakan untuk menghasilkan ujaran sendiri. Ada beberapa tujuan lain, dan ini boleh disenaraikan seperti berikut :

- i. kefahaman nahu membolehkan pelajar bertutur dengan lancar, terang dan mudah difahami oleh orang lain,
- ii. kefahaman nahu membolehkan pelajar dapat memahami dengan lebih jelas akan pengertian sesuatu perkataan atau ayat dengan menganalisis kedudukannya,
- iii. kefahaman nahu membolehkan pelajar menentukan sama ada sesuatu ayat itu betul atau tidak mengikut rumusan nahu bahasa itu.
- iv. kefahaman nahu adalah penting untuk peperiksaan kerana ada soalan-soalan bahasa yang khusus mengenai nahu.
- v. kefahaman nahu berguna kepada orang-orang dewasa atau pelajar-pelajar di peringkat tinggi, terutama bangsa asing, kerana mereka lebih suka belajar menerusi rumusan yang tertentu.
- vi. pengetahuan mengenai nahu biasanya menjadi asas di dalam logik. Mereka yang mengetahui nahu akan dapat menyusun hujahan-hujahannya, dalam bahasa yang rapi.

## 2. Pendekatan, Kaedah dan Teknik

Ada beberapa istilah dan konsep yang agak perlu diberi definisi, supaya kita dapat melihat kepentingan perkara yang dibincangkan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa di dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa agak banyak waktu yang digunakan untuk mengajar nahu. Untuk melihat perkara ini dengan lebih jelas, ada beberapa istilah lain yang digunakan untuk nahu, seperti tatabahasa, pengitlakan pola ayat, struktur, transformasi, bentuk kata kerja, konjugasi, semuanya adalah istilah-istilah yang digunakan untuk merujuk kepada nahu atau sebahagian daripada nahu. Tetapi, dalam hal ini istilah pendekatan, kaedah dan teknik perlulah diberi penjelasan dahulu.

### 2.1 Pendekatan

Pendekatan ialah sesuatu sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dalam pengajaran bahasa pendekatan merupakan satu kumpulan prinsip atau

andaian yang berkaitan dengan bahasa, pengajaran bahasa dan pembelajaran bahasa tersebut. Dengan itu pendekatan merupakan satu pandangan mengenai apa sebenarnya bahasa itu, cara bahasa itu diperolehi, bagaimana bahasa itu dilahirkan dan difahami, serta perkara yang mengawal bahasa itu.

Sesuatu pendekatan itu akan membayangkan teori bahasa dan teori pengajaran dan pembelajaran bahasa yang digunakan. Kalau dahulu orang menganggap bahasa terdiri daripada rumusan-rumusan dan pelajar belajar dengan menghafal rumusan-rumusan itu, maka guru akan mengajar bahasa dengan mengajar rumusan-rumusan tersebut. Sebaliknya kalau bahasa dianggap sebagai suatu keseluruhan yang mempunyai beberapa unsur yang berlainan maka pengajaran bahasa akan dimulakan dengan mengamati keseluruhan konteks itu dan unsur-unsurnya, kemudian baru mempelajari bagaimana keseluruhan unsur tersebut bergabung.

## 2.2 Kaedah

Kaedah ialah langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang diatur untuk mengajar sesuatu bahasa atau bahagiannya, sesuai dengan pendekatan yang dipegang. Misalnya guru yang berpegang pada teori yang menganggap bahawa persepsi kita akan berlaku dari keseluruhan sesuatu benda yang dipelajari menuju kepada unsur-unsurnya. Jadi, menurut teori ini seseorang guru itu akan membentuk kaedah pengajaran bahasanya selaras dengan pendekatan yang dipegangnya. Oleh itu kaedah ini akan mengatur langkah pengajarannya dari satu wacana, kemudian berpindah kepada ayat-ayat, kemudian kepada frasa, kata dan seterusnya mungkin kepada bahagian yang lebih kecil seperti imbuhan.

## 2.3 Teknik

Teknik adalah satu muslihat atau taktik yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan butiran pengajarannya. Inilah perkara yang betul-betul berlaku di dalam bilik darjah. Sesuatu muslihat akan digunakan untuk mencapai tujuan atau objektif yang ditentukan di dalam sesuatu pelajaran itu.

Untuk menyampaikan makna sesuatu imbuhan seperti kan, mungkin dilakukan dengan menggunakan teknik :

1. Memberi contoh dan memberi erti,
2. Memberi perbezaan atau persamaan dengan imbuhan pe-dan-yang mempunyai erti yang sama, dan
3. Memberi latihubi dengan contoh-contoh.

## 2.4 Hubungan di antara Pendekatan, Kaedah dan Teknik

Dari perbincangan di atas dapatlah difahamkan bahawa pendekatan pendirian mengenai bahasa dan proses pembelajaran bahasa yang dijadikan asas untuk menyusun langkah-langkah (atau kaedah mengajar). Akhirnya, teknik pula adalah merupakan muslihat penyampaian sesuatu butiran mengenai bahasa di dalam bilik darjah.

## 2.5 Beberapa Persoalan Mengenai Pendekatan

Ada beberapa soalan yang kerap ditanya berhubungan dengan pendekatan yang digunakan.

- i. Perlukah pelajar diberi contoh rumusan atau pola bahasa sehingga pelajar memahami pengitikan nahu sehingga dia dapat menerbitkan ujaran-ujaran bahasa — iaitu pendekatan deduktif?
- ii. Perlukah pelajar diberi pola atau rumusan tertentu, dan kemudian dibincangkan sehingga pelajar dapat menggunakan untuk menerbitkan ayat — iaitu pendekatan induktif?
- iii. Patukah pelajar diberi latihubi tertentu bagi membentuk kebiasaan tertentu sehingga dapat menjadi kebiasaan — iaitu pendekatan ransangan dan tindakbalas?
- iv. Patukah pelajar diberi rumusan nahu sehingga dia memahaminya sehingga dia dapat menerbitkan ayat seperti di dalam pendekatan nahu generatif.

## 2.6 Tidak Ada Pendekatan Yang Unggul

Pendekatan-pendekatan ini perlulah diketahui oleh guru sebab setiap satunya berdasarkan falsafah yang berlainan, tidak semuanya sama berkesan dengan semua pelajar. Patukah semuanya dicuba-supaya yang terbaik dapat dipilih untuk pelajar yang berlainan? Ini adalah suatu persoalan yang sukar diberi jawapan.

Dari segi perkembangannya, pembelajaran dan pengajaran rumusan nahu dilakukan sejak zaman Yunani dan Romawi lagi, tetapi selepas 1930, kaedah audiolingual atau latihubi menjadi lebih popular. Tetapi sekarang kaedah ini telah menjadi lebih bersifat kognitif, dan latihubi telah mula ditinggalkan dan ahli pengajar bahasa bergerak ke arah pendekatan yang lebih menekankan penguasaan bahasa yang berfungsi. Ini akan membentuk penguasaan rumusan-rumusan nahu melalui penjelasan dan demonstrasi. Tetapi ini tidak terus ditinggalkan. Pengajar telah mula menyusun nahu supaya lebih berstruktur secara perlahan-perlahan dan bertingkat-tingkat sehingga nahu

itu dapat dikuasai. Nahu dikuasai bukan melalui latihubi tetapi melalui penjelasan, dan kemudian pelajar dapat menggunakan nahu itu untuk berhubung dengan cara yang asli.

### 3. Jenis-Jenis Pendekatan dan Perbandingannya

Berdasarkan kepada teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang telah dibincangkan, terdapat tiga jenis pendekatan dalam pengajaran bahasa, iaitu : pendekatan deduktif, pendekatan induktif, dan pendekatan eklektik.

#### 3.1 Pendekatan Deduktif

Pendekatan deduktif mengemukakan pengajaran rumusan bahasa sebelum penggunaan bahasa. Pelajaran dimulakan dengan memperkenalkan analisis rumusan nahu bahasa sebelum guru memberi contoh-contoh menggunakan rumusan-rumusan itu di dalam pemakaian bahasa. Dalam menyusun butiran pelajaran, pendekatan ini mendahuluikan pengitlakan dan kemudian bergerak kepada contoh-contoh. Guru memberi latihan berdasarkan contoh-contoh tadi. Murid-murid meniru contoh dan menghafalnya. Ada beberapa perkara perlu dipertimbangkan apabila menggunakan pendekatan deduktif;

- i. Pengitlakan atau rumusan nahu yang akan disampaikan pada permulaan pelajaran mestilah dinyatakan dengan secara mudah, dan jelas supaya dapat difahami,
- ii. Apabila difahami, contoh-contoh yang sesuai dan mencukupi hendaklah diberi,
- iii. Contoh-contoh tersebut hendaklah diberi oleh guru dan apabila difahami maka murid-murid hendaklah mula memberi contoh mereka untuk menunjukkan kefahaman.
- iv. Latihan-latihan yang sesuai hendaklah disediakan dan sebolehnya contoh yang digunakan hendaklah mengambil kira semua kemungkinan pemakaian bahasa.

Seperti yang dikatakan di atas di dalam pendekatan deduktif : rumusan-rumusan nahu, pola-pola dan pengitlakan tertentu diberi dahulu di dalam ayat dan kemudian barulah diberi bahan untuk berlatih.

#### 3.11 Kelebihan Pendekatan Deduktif

Ada beberapa kelebihan di dalam mengajar bahasa dengan menggunakan pendekatan ini.

#### (a) Mudah Memahami Butiran Isi Pelajaran

Oleh sebab pendekatan ini menjelaskan rumusan-rumusan nahu terlebih dahulu, maka, kita akan dapat menjelaskan sesuatu rumusan nahu dengan mudah. Kalau butiran mengenai nahu dapat difahami dengan sejelas-jelasnya maka, dapatlah dianggap bahawa pelajar yang telah memahami rumusan itu akan tahu menggunakaninya dengan berkesan, iaitu bertutur/menulis dengan tepat. Pelajar biasanya mahu tahu apa yang mereka pelajari itu. Sekiranya mereka dipaksa mempelajari sesuatu dengan tidak mengetahui penjelasannya, boleh jadi akan membosankan pengajaran dan pembelajaran.

Misalnya : Gandaan mempunyai banyak makna bergantung pada golongan kata dasarnya :

1. Katanama – banyak atau serupa : misalnya : rumah-rumah (banyak rumah), langit-langit (seperti langit)
2. Kata kerja – perbuatan berkali-kali atau sangat : misalnya : berjalan-jalan (berjalan banyak kali)
3. Katasifat – keadaan bersanggatan : misalnya : merah-merah (sangat merah)

Apabila pelajar memahami rumusan-rumusan ini, pelajar akan terus dapat menggunakaninya dan menerbitkan kata-kata gandaan dengan makna di atas. Ini akan memberi mereka rasa berjaya, dan mendorong mereka belajar terus. Sudah tentu tidak ada gunanya memberi banyak contoh dan meminta pelajar memahami dan membuat rumusan sendiri. Sebaliknya menggandakan kata-kata ini tanpa penjelasan mungkin akan hanya mengaburkan' keadaan sebenar.

#### (b) Boleh Diajar Oleh Guru-Guru Yang Kurang Fasih

Pendekatan deduktif juga agak mudah dilaksanakan. Pengajarannya dapat dijalankan oleh guru-guru yang kurang mahir bertutur bahasa Melayu. Guru akan hanya mengajar mengenai bahasa dan bukannya mengajar bahasa itu. Misalnya, untuk menjelaskan perkara seperti di dalam (a) di atas, gurunya tidaklah perlu fasih. Dia hanya perlu memahami rumusan nahu sahaja.

#### (c) Menjimatkan Masa

Penjelasan sesuatu rumusan nahu akan dapat dibuat dengan satu keadaan ringkas. Ini akan memudahkan kefahaman dan dengan itu menjimatkan masa. Misalnya, pembentukan ayat pasif dapat dibuat seperti berikut :

Ayat aktif boleh ditukar menjadi pasif dengan dua langkah :

1. mengubah imbuhan me— menjadi di—
2. menukar struktur ayat dari N + me+KK + N menjadi

1                    2

N + di+KK + oleh + N  
2                    1

contoh : Ayah membeli rambutan

N        KK        N  
1                    2

Rambutan dibeli oleh ayah

N        KK        N  
2                    1

Penjelasan rumusan ringkas ini pasti dapat dijalankan dalam masa yang singkat.

#### (d) Sesuai dengan Pelajar Bijak

Seseorang pelajar yang bijak akan dapat memahami penjelasan nahu seperti ini dengan cepat. Mereka akan dapat menanggap pengitlakan rumusan dengan pantas kalau dijelaskan. Misalnya, kita dapat memberi penjelasan kepada pelajar bahawa ada tiga cara atau makna dalam penggunaan ber— perbuatan sendiri (*refleksif*) — berjalan, perbuatan berlawanan — bersalam, dan perbuatan menghasilkan — bertelur. Ini juga mudah difahami oleh pelajar-pelajar yang bijak, dan tidak membosankan.

#### (e) Sesuai dari segi Psikologi

Dari segi psikologi pula, pendekatan seperti ini, dengan memberi penjelasan dan kemudian diberi pula contoh-contoh yang sesuai, dapatlah dikatakan memenuhi keperluan psikologi pembelajaran. Dalam pembelajaran lazimnya, kita perlu memahami sesuatu sebelum menggunakanannya. Teori perlu diketahui sebelum kreatif dapat dilakukan.

### 3.12 Kelemahan Pendekatan Deduktif

Pendekatan ini juga ada mempunyai beberapa kelemahan.

#### (a) Membosankan

Pertama pengajaran bahasa yang bermula dengan mengajar rumusan-

rumusan dan pola-pola nahu, mungkin akan menyebabkan pelajar-pelajar menjadi bosan. Pernyataan rumusan nahu terlebih-lebih lagi yang sukar adalah pernyataan konsep, tanpa penggunaannya yang sebenar, adalah sesuatu yang sia-sia sahaja. Kebosanan biasanya akan timbul apabila pelajar tidak dapat melihat penerapan rumusan-rumusan tersebut dalam pemakaian bahasa. Ada konsep-konsep yang sukar-sukar, kalau tidak difahami akan hanya menyebabkan masalah. Misalnya, makna dan tugas ber— untuk 'kaya' seperti di dalam berada jarang difahami. Agak sukar kalau guru mahu menjelaskan bahawa berada bererti 'mewah'. Ini akan mengelirukan dan membosankan pelajar.

#### (b) Kefahaman Tidak Sama dengan Penggunaan

Kedua, pengajaran nahu itu sendiri hanya merupakan sesuatu latihan amali sahaja dan selalunya bersifat intelektual. Oleh yang demikian pelajar akan dapat mempelajari sistem nahu sesuatu bahasa dengan rapi. Dengan kata lain, pelajar dapat mengetahui mengenai sesuatu bahasa tetapi ini belum jamin yang dia sudah dapat menguasai bahasa tersebut. Seseorang yang bijak dan mengetahui segala selok-belok nahu bahasa Melayu itu belum terjamin dapat menggunakan bahasa itu dengan licin. Ini bermakna bahawa pendekatan deduktif itu mungkin berjaya dalam mengajar nahu bahasa Melayu dengan lengkapnya. Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa nahu bahasa Melayu tersebut telah menjadi matlamat dalam pengajaran bahasa, dan nahu itu adalah maklumat mengenai bahasa, dan masih belum merupakan pembelajaran bahasa itu. Misalnya ada ramai orang yang mengetahui rumusan nahu bahasa Latin tetapi tidak dapat menuturkannya.

#### (c) Nahu Tidak Lengkap

Dalam sebarang bahasa, nahu itu tidaklah dapat dikatakan sudah lengkap. Lagi pun tidak ada nahu yang tidak mempunyai kekecualian. Pen-skripsian nahu bahasa Melayu, berbeza-beza. Misalnya jenis-jenis perkataan adalah berbeza-beza di antara Za'ba, Asmah dan Liaw Yock Fang. Perbezaan-perbezaan ini akan menimbulkan masalah dalam pengajaran kerana nahu pedagogi tidak harus ada yang tidak selesai, atau berbeza-beza.

#### (d) Pengajaran Nahu dan Bahasa Adalah Berlainan

Matlamat akhir dalam mempelajari bahasa ialah untuk dapat menguasai dan menggunakan untuk berkomunikasi. Pembelajaran nahu secara deduktif tidak mementingkan tujuan berkomunikasi. Walaupun semua pendekatan akan mengatakan pembelajaran bahasa ialah untuk menguasainya,

tetapi agak lebih jelas juga bahawa mempelajari rumus-rumus nahu yang diikuti dengan contoh-contoh terhad itu ternyata tidak dapat dikatakan suatu cara yang baik untuk mempelajari bahasa. Jadi penggunaan bahasa dalam keadaan sebenar itu masih merupakan sesuatu yang asing. Pelajar akan hanya mempelajari pernyataan-pernyataan atau pengitlakan mengenai bahasa itu saja, tetapi tidak mempelajari bahasa untuk berkomunikasi.

### 3.2 Pendekatan Induktif

Pendekatan induktif seperti yang dijelaskan di atas akan mengajar dengan memberi contoh struktur-struktur penggunaan unsur-unsur nahu bahasa Melayu yang dipelajari. Kemudian latihan lanjut diberikan. Dengan ini pelajar dibimbing dan dilatih untuk membuat pemerhatian dan kemudiannya membentuk pengitlakan atau rumusan sendiri. Dan dengan itu pelajar dapat memahami pola atau struktur tersebut untuk menghasilkan ungkapan-ungkapan atau pertuturan lain.

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam pendekatan ini :

- i. Guru haruslah mempunyai struktur nahu yang hendak disampaikan.
- ii. Berdasarkan kepada bahagian-bahagian nahu yang saling berkait yang diberi di dalam satu struktur, guru bolehlah menyusun satu langkah yang teratur bagi memudahkan kefahaman.
- iii. Satu strategi pemeringkatan hendaklah disusun supaya guru dapat menolong murid-murid membentuk konsep dan seterusnya membuat pengitlakan mengenai nahu seperti yang dikehendaki.
- iv. Latihan yang mencukupi hendaklah juga dibentuk dan diadakan untuk menguji dan memperkuuh kefahaman murid.

### 3.2.1 Kelebihan Pendekatan Induktif

Ada lima kebaikan yang dapat dilihat di dalam penggunaan pendekatan ini.

#### (a) Sesuai Untuk Bahasa Bersistem Rapi

Pendekatan ini adalah amat berkesan untuk mengajar bahasa yang mempunyai sistem nahu rapi (*regular*). Hanya dengan mengajar satu sistem rumusan nahu sahaja, kita akan dapat mengajar semua binaan nahu yang mempunyai ciri yang sama. Pendek kata, kalau rumusan nahu itu dapat digunakan untuk semua hal yang demikian maka mudahlah perkara tersebut difahami.

Misalnya dengan memberi satu pola ayat aktif dan menyatakan bagaimana ayat tersebut dapat ditukar menjadi pasif, akan dapatlah pelajar itu membuat pengitlakan yang sewajarnya, dan menerbitkan ayat-ayat pasif lain daripada ayat-ayat aktif. Dalam bahasa Melayu ayat pasif diterbitkan dengan dua cara : 1. untuk orang pertama dan kedua, dan 2. untuk orang ketiga. Lihat contoh.

1. Saya membawa parang itu. (*aktif*)  
1(a) Parang itu saya bawa. (*pasif*)
2. Engkau membawa cangkul itu. (*aktif*)  
2(a) Cangkul itu engkau bawa. (*pasif*)
3. Dia membawa sabit itu. (*aktif*)  
3(a) Sabit itu dibawa oleh dia. (*pasif*)

Dengan memberi beberapa set contoh lain, pelajar akan memahami bahawa cara membentuk ayat pasif dari ayat aktif, adalah serupa bagi pelaku orang pertama (*saya*) dan kedua (*engkau*) tetapi kedua-duanya berbeza dari pada orang ketiga (*dia*).

#### (b) Nahu Tidak Tuntas

Selalu juga didapati bahawa nahu sesuatu bahasa itu tidak atau belum dideskripsikan dengan tuntas. Kalau keadaan ini berlaku. Maka pendekatan induktif masih dapat digunakan dengan berkesan. Pernyataan sesuatu rumusan nahu tidak diperlukan untuk menyusun sesuatu pelajaran bagi mendapatkan kesan yang baik. Pelajar masih dapat mempelajari sesuatu contoh penggunaan bahasa yang dapat digunakan dalam keadaan sehari-hari untuk berkomunikasi. Banyak aspek nahu bahasa Melayu yang masih belum diberi deskripsi yang jelas ataupun kalau ada, bercanggah antara seorang ahli bahasa dengan yang lain. Pendekatan deduktif yang memerlukan pernyataan rumusan nahu akan menimbulkan masalah, sebab pernyataan tersebut mungkin bercanggah antara satu sama lain. Misalnya ada ahli bahasa mengatakan memberi erti transitif dan ada yang mengatakan ia menunjukkan ragam aktif. Melalui contoh, pernyataan ini tidak akan mengelirukan. Misalnya :

1. Ali memakai kasut. (*aktif*)
2. Kasut dipakai oleh Ali. (*pasif*)

Dalam ayat 1 dan 2, perbezaan antara me— dan di— akan jelas kelihatan. Jadi me— sebenarnya menunjukkan *ragam aktif*, dan di— *ragam pasif*.

Catatan : ramai orang mengelirukan antara tugas mendengar —kan

(atau per- atau -i) apabila unsur tersebut wujud dalam perkataan yang sama. Misalnya dalam **membesarkan** —kan membuat kata sifat besar menjadi transitif, selepas terbit katakerja transitif, **besarkan** maka barulah dapat diberikan ragamnya, iaitu **membesarkan** (**aktif**) atau **dibesarkan** (**pasif**).

#### (c) Pelajar Membuat Pengitlakan Secara Aktif

Melalui contoh-contoh yang wujud di dalam BM itu, maka setiap pelajaran itu akan membolehkan pelajar membuat pengitlakan sendiri. Biasanya sebarang pengitlakan yang dibuat oleh pelajar itu sendiri akan dapat menanam kefahaman yang sebenar dan akan berkekalan. Dengan bermula daripada contoh-contoh dan kemudian memahami rumusan nahu, maka pelajar akan dapat dengan mudah menghasilkan ujaran-ujaran yang sama juga apabila mereka telah memahami rumusan tersebut. Pengingatan semula akan rumusan dan contoh-contoh yang sebenar itu akan dapat dilakukan dengan mudah. Contoh yang dipelajari dan rumusan yang diitlakkan oleh pelajar akan dapat membantu memperkuah pembelajaran unsur nahu berkenaan.

#### (d) Pelajaran Lebih Hampir dengan Kehidupan

Agaknya salah satu daripada kebaikan yang besar di dalam pendekatan induktif ini ialah **setiap**, **bahan**, **unsur** atau **contoh** yang diberi itu adalah ujaran-ujaran yang diambil daripada pertuturan sebenar. Ini adalah sesuatu usaha yang akan membawa faedah besar kerana ujaran yang betul-betul wujud itu akan lebih nampak faedahnya, dan dapat digunakan dalam percakapan atau kehidupan sebenar setiap hari. Mempelajari sesuatu rumusan belum tentu dapat menyatakan suasana yang sesuai untuk penggunaanya.

Oleh sebab contoh-contoh yang diberi itu diambil daripada bahan yang betul-betul wujud dan digunakan, maka bahan tersebut akan lebih dapat berguna kepada mereka. Kebenaran ini dapat dilihat daripada penghafalan ayat-ayat tertentu daripada sajak dan puisi yang kerap digunakan di dalam pertuturan (**Shakespear misalnya**). Agak benar juga kadang-kadang penjelasan nahu ayat-ayat yang dihafal itu tidak diketahui, tetapi pelajar dapat menggunakanannya.

#### (e) Pendekatan Saintifik

Pendekatan ini jua dikatakan bersesuaian dari segi psikologi pembelajaran kerana pendekatan ini bergerak dari arah yang umum atau abstrak kepada yang lebih jelas dan konkret. Pelajar para peringkat tertentu, lebih-lebih lagi pada peringkat keintelektualan yang lebih tinggi akan dapat memanfaatkan pendekatan begini dengan lebih berkesan.

### 3.22 Kelemahan Pendekatan Induktif

Ada empat kelemahan di dalam pendekatan induktif ini.

#### (a) Nahu Tak Regular

Bahasa yang tidak mempunyai sistem, nahu yang tidak regular akan menghadapi sedikit masalah di dalam menerapkan pendekatan ini. Sesuatu yang dibincangkan melalui contoh, dan apabila rumusan atau pengitlakkannya telah difahami, didapat, kekecualian atau subsistemnya perlulah diajarkan sekali. Misalnya, pelajar akan mudah faham apabila dikatakan me — menunjukkan aktif, dan diberi contoh-contohnya seperti **menulis**, **membaca** dan **melawat**; tetapi kefahaman mereka akan tergugat apabila dia mendapat tidak ada unsur aktif di dalam **menangis**, **melayang** dan **menghijau**. Begitu juga mereka akan keliru kalau dikatakan ber — menunjukkan perbuatan bagi diri sendiri seperti **berlari**, **beratur**, dan **kenapa duduk** tidak memerlukan **ber-**. Penjelasan nahu bagi aspek nahu yang tidak regular adalah menyukarkan.

#### (b) Masa Banyak Diperlukan untuk Persediaan

Penyediaan pelajaran melalui pendekatan ini perlulah dilakukan dengan teliti. Masa yang panjang diperlukan untuk membuat persediaannya, dan menyelesaikan sesuatu butiran. Ini memang menjadi kebiasaan, contoh-contoh yang banyak dan relevan perlu disusun dan disediakan. Ini memakan waktu. Lagi pun, persediaan yang kurang lengkap akan mengganggu penyampaian pelajaran.

#### (c) Tidak Memuaskan Pelajar

Pelajar kerap juga merasa kurang sabar, sebab pendekatan ini memerlukan pelajar melalui contoh-contoh yang banyak dan membuat kesimpulan sendiri. Ada pelajar yang merasa kurang puas kalau tidak mengetahui rumusan nahu ajaran yang diajar itu, atau ada kemungkinan dia membuat pengitlakan yang tidak tepat. Ini sukar mendapat kerjasama pelajar. Biasanya juga unsur nahu bertindih, dan tidak boleh dipisahkan. Misalnya tugas **me-** dan **—kan** yang dibincangkan dalam 4.2.1 (b) selalu menimbulkan masalah walaupun di kalangan guru yang mahir.

#### (d) Maklumat Mengenai Pengetahuan Asas

Dalam pengajaran bahasa, pengetahuan asas yang tertentu amat diperlukan. Lagi pun pembelajaran bahasa itu adalah pembelajaran yang merupakan pelajaran yang sama diulang maka pelajar yang sudah tahu akan merasa andaian yang pelajar mempunyai pengetahuan tertentu. Misalnya, pelajar perlu mengetahui mengenai ayat tunggal sebelum dapat memahami ayat

majmuk, dan dia perlu pengetahuan ayat-ayat dasar sebelum dia boleh belajar mengenai ayat-ayat tanya dll.

(e) **Membebankan Pelajar**

Pelajar boleh merasakan pendekatan ini akan memberi banyak tugas. Ini dapat dilihat dengan jelas kerana setiap pelajaran melalui pendekatan ini menggunakan banyak contoh untuk menjelaskan suatu butiran nahu.

(f) **Tidak Sesuai dengan Pelajar Pandai**

Pendekatan ini biasanya memberi contoh-contoh yang banyak untuk menjelaskan sesuatu butiran nahu. Sekiranya butiran yang diajar tersebut dapat difahami dengan mudah, maka pelajar-pelajar yang bijak akan mendapatinya terlalu mudah dan membosankan.

Sekiranya kalau bilangan pelajar ramai, maka adalah sukar untuk mengetahui apa pengetahuan yang ada pada pelajar dan kalau pengetahuan mereka tidak seimbang, maka hal ini boleh menimbulkan masalah. Kalau pelajaran yang sama diulang maka pelajar yang sudah tahu akan merasa bosan, dan sebaliknya mereka yang tidak tahu akan ketinggalan.

### 3.3 Pendekatan Eklektik

Pendekatan deduktif dan induktif ini adalah merupakan pendekatan-pendekatan yang mempunyai matlamat yang sama. Namun begitu, tidak ada satu pengasingan yang menunjukkan pendekatan yang mana satu yang lebih baik kerana kedua-duanya mempunyai kelebihan-kelebihan masing-masing. Sebagai jalan keluar, satu pendekatan lain telah disarankan dan ini cuba mencantumkan unsur-unsur penting dari kedua-dua pendekatan tadi bagi menghasilkan satu strategi pengajaran yang lebih seimbang. Pendekatan ini dikenali sebagai pendekatan eklektik.

Pendekatan ini menggabungkan kedua-dua unsur yang baik dalam pendekatan deduktif dan induktif untuk menghasilkan satu strategi pengajaran. Guru bahasa boleh memulakan pengajarannya dengan memberi contoh-contoh mengenai sesuatu unsur dan meminta contoh-contoh mengenai perkara yang sama daripada murid-murid. Selepas itu pelajar dibimbing untuk membuat pernyataan mengenai rumusan nahu yang terlibat. Selepas itu pelajar juga dibimbing untuk membentuk contoh-contoh lain. Sebaliknya, pelajar juga boleh memulakan pengajarannya dengan memberi rumusan nahu yang berkenaan. Kemudian pelajar diminta memberi penjelasan mengenai rumusan tersebut dengan contoh-contoh.

Kaedah eklektik mempunyai beberapa kebaikan.

- i. Pendekatan ini baik sebab tidak terikat kepada satu kaedah mengajar sahaja.
- ii. Guru bebas untuk menggunakan daya kreativiti sendiri dalam mengajar.
- iii. Latihan kefahaman dapat dijalankan dengan diikuti oleh latihan bertutur, membaca dan menulis.
- iv. Pelajar berpeluang berfikir terus dalam bahasa yang dipelajarinya dan menggunakan secara aktif. Kemahiran pasif dan aktif dapat dijalankan serentak dalam satu pelajaran.

### 4. Kesimpulan

Memanglah kita perlu menerima hakikat bahawa pelajar mempunyai banyak gaya perbelajaran tersendiri dan tidak ada suatu kaedah yang sesuai untuk semua keadaan. Guru pun mempunyai gaya dan kepakaran atau kecenderungan yang berlainan. Jadi kita perlulah mencuba dan memilih serta kalau perlu menyesuaikan pendekatan dan kaedah tersebut untuk keperluan masing-masing. Ada keserupaan dan persamaan di antara kedua-dua kaedah tersebut bagi mengajar bahasa sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. Kita tidaklah perlu menekankan aktiviti-aktiviti yang tidak bermakna di dalam pengajaran bahasa, dan mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir. Beberapa perkara boleh diperhatikan. Pertama, kita mungkin mahu mempunyai lebih perhatian kepada daya usaha pelajar itu sendiri dan cuba membuatkan mereka menggunakan pengetahuan mereka dan ketaakuan mereka bagi meningkatkan pemikiran dan daya untuk menyelesaikan masalah perhubungan. Kedua, pelajar perlulah diberi pemakaian bahasa yang menyertai keadaan hidup sebenar dan dapat meramal sebarang tindak balas yang wajar. Ketiga, gunakanlah pendekatan yang menggunakan lebih pembelajaran afektif.

---

#### Rujukan

- Allen, E. D. & Valette, R.M., *Modern Language Classroom Technique*, Harcourt Brace & Jovanovich Inc. N. York (1972).
- Croft, K. *Readings on English as a Second Language* Winthrop Publishers Inc. Cambridge (1980).
- Kelly, L. G. *25 Centuries of Language Teaching*, Newbury House Publishers, Massachusetts (1969).

# MENGARANG DENGAN MENGGUNAKAN PENGALAMAN PANCAINDERA SOSIOLINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA

oleh: Naim Daipi

Kertaskerja ini disampaikan di Seminar Pengajaran Bahasa Melayu peringkat Menengah dan Pra-Universiti. Anjuran Bersama Unit Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran Singapura.

## PENDAHULUAN

Setiap manusia ada keistimewaananya. Sejarah kejadian manusia mencatatkan tiada seorang pun yang wujud sebenar-benarnya seperti anda. Anda adalah seorang yang unik. Anda adalah istimewa. Anda sememangnya tiada bandingan. Tiada seorang pun yang boleh meniru (carbon copy) anda dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Apakah yang membuat kita berbeza? Beberapa pandangan menyatakan bahawa salah satu perbezaan ini adalah disebabkan pengalaman dan pengesanan pancaindera kita serta unsur-unsur lain yang timbul akibat pengalaman pancaindera tersebut seperti perasaan dan pemikiran kita.

Anda tentunya melihat sesuatu yang istimewa mahupun yang pelik dengan penelitian dan tanggapan anda. Apa yang anda tanggapi itu merupakan pantulan daripada pengalaman peribadi anda. Kita mungkin boleh berjalan seiring dan berkongsi amben di hujung sebuah danau serta kita boleh sama-sama menyaksikan keindahan panorama. Tetapi apabila berhubung dengan pengalaman pancaindera tadi, kita akhirnya akan berbeza tanggapan dan ikhtisar.

Dari segi fizikal atau yang berbentuk lahiriah, jika kita kehendaki, mungkin saya boleh menyerupai anda dan anda mengirasi saya. Kita boleh sama-sama mengilhami satu bentuk peribadi yang bermutu atau menyaluri satu perlakuan yang searah. Tetapi, amat nyata akhirnya kita bakal menempuh sesuatu yang tidak sealiran walaupun hanya sedetik sahaja.

Jadi; setiap kita sebenarnya berbeza antara satu sama lain. Kita berbeza impian, daya tanggap; daya kepekaan (sensitivity), pengertian tentang kesempurnaan, keimbangan dan sebagainya yang kita bangunkan di dalam diri kita atau yang terbangun oleh keadaan sekeliling kita. Dan tentunya kita akan seronok apabila mendengar pengalaman seseorang, baik disampaikan secara lisan maupun tulisan.

Pengalaman-pengalaman pancaindera yang tercusus dari penglihatan, pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian (perihal merasai) ini menyebabkan kita membuat reaksi. Hasil daripada reaksi inilah yang membentuk dan merubah kita.

## KANAK-KANAK DAN PANCAINDERA

Alam kanak-kanak penuh dengan hal-hal yang aneh dan ajaib. Sejak deria penglihatan, pendengaran, penghiduan, persentuhan dan perasaian seseorang kanak-kanak (bayi) benar-benar berfungsi, mereka telah membuat reaksi. Tetapi reaksi mereka lebih terdorong daripada rasa ketakjuban semata-mata seperti lazatnya susu, merduanya bunyi mainan dan sebagainya. Dan apabila mereka sudah boleh berkata-kata sering pula rasa ketakjuban ini dicetuskan dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan yang adakalanya melucukan kita. Sekadar contoh:

- 1) Mengapa kereta tak boleh terbang? (penglihatan)
- 2) Mengapa air batu sejuk? (persentuhan)
- 3) Mengapa tahi busuk? (penghiduan)
- 4) Apa fasal buah mangga ini boleh masam? (perasaian)
- 5) Mengapa bunyi gajah bising? (pendengaran)

Apakah yang mendorong seseorang kanak-kanak membuat pertanyaan-pertanyaan? Apakah pertanyaan-pertanyaan tersebut terbit kerana dorongan untuk mendapatkan pengetahuan? Kadangkala pertanyaan-pertanyaan tersebut menyukarkan kita untuk menjawabnya atau meletakkan kita dalam keadaan serbasalah untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sebenar-benarnya.

## PERINGKAT MANUSIA MENDAPATKAN PENGETAHUAN

Menurut Drs. Sidi Ghazalba, manusia memperolehi pengetahuan melalui tiga peringkat, iaitu:

- 1) Pengetahuan indera

- 2) Pengetahuan ilmu
- 3) Pengetahuan filsafat

Seperti yang disebutkan tadi, sejak kanak-kanak lagi, kita sering mengajukan berbagai-bagai pertanyaan. Alam kanak-kanak sering menampilkan kita dengan rasa ketakjuban. Dari rasa ketakjuban inilah, lahir berbagai-bagai pertanyaan. Apabila kita selidiki, sebenarnya rasa ketakjuban atau kehairanan seseorang kanak-kanak itu bergerak dari satu atau beberapa pengalaman pancainderannya.

Katakanlah kanak-kanak rasa terpukau dengan hembus sayup putaran sebuah kipas angin, langsung dia akan membuat pertanyaan; Mengapa angin sejuk? Bagaimana kipas angin berputar? Apa yang menggerakkannya? Atau dengan suatu pertanyaan yang lebih aneh; siapa yang putar kipas angin itu sehingga ia berpusing-pusing?

Pertanyaan-pertanyaan dari rasa ketakjuban ini adalah merupakan tingkat pertama seseorang kanak-kanak mendapatkan pengetahuan tetapi pengetahuan yang mereka cuba dapat itu adalah untuk memulihkan rasa ketakjuban mereka semata-mata. Tingkat pengetahuan ini disebut oleh Drs. Sidi Ghazalba sebagai Pengetahuan indera. Tetapi apabila keinginan-keinginan pengetahuan mereka semakin memuncak sehingga terpaksa menggunakan daya fikir mereka, maka mereka telah melangkah untuk memperolehi ilmu.

Katakanlah kita ambil kipas angin sebagai contohnya; Apakah yang menggerakkan sebuah kipas angin? Lalu diperolehnya dalam kipas angin itu sebuah motor atau jentera kecil. Dan jentera yang dibekalkan oleh kuasa letrik akan menggerakkan kipas angin itu. Kemudian mungkin timbul pula pertanyaan; apakah elemen-elemen atau unsur-unsur yang menjadikan sebuah jentera kipas angin itu? Langsung mereka dapat dengan penyelidikannya. Segala kedapatan daripada penyelidikan atau proses pembelajaran yang sistematik inilah, Drs. Sidi Ghazalba menyebutnya sebagai pengetahuan ilmu.

Proses manusia mendapatkan pengetahuan tidak berhenti setakat itu. Maka timbul pertanyaan-pertanyaan lain yang tak mungkin dijawab dengan penyelidikan-penyelidikan atau keluar dari batas kemampuan pemikiran mereka. Sebagai contoh, mungkin timbul satu pertanyaan hasil pengamatannya daripada udara yang digerak oleh kipas angin tadi; apakah unsur yang menjadikan udara? Mengapa udara perlu bagi pernafasan? Siapa yang membuat udara dan menghentikan pernafasan sehingga hadir pula apa yang disebut maut? dan sebagainya. Dari sinilah, manusia mula melangkah mengucapnya secara falsafah. Dan pengetahuan yang tersebar inilah disebut sebagai pengetahuan filsafat.

Jadi; pertanyaan-pertanyaan seseorang kanak-kanak lebih banyak didorong oleh rasa ketakjubannya semata-mata. Kanak-kanak seringkali menggunakan pancainderannya untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan sehingga perkara-perkara atau peristiwa-peristiwa yang kecil, yang kita pandang remeh atau tidak dipedulikan oleh kita, menjadi pemuatan pemerhatian mereka.

Dan tentunya kita boleh memanfaatkan pemuatan pemerhatian kanak-kanak ini dalam pengajaran dan pembelajaran karangan.

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KARANGAN

Beberapa pendapat mengatakan bahawa terdapat lima peringkat bagi membentuk kemahiran mengarang di kalangan pelajar, iaitu:

PERINGKAT	KEGIATAN CONTOH
1) MENIRU	Murid-murid menyalin ayat atau karangan contoh.
2) MENULIS SEMULA	Menyalin semula dengan membetulkan tanda baca, perkataan frasa yang salah. Menulis semula sebuah karangan yang dibacakan oleh guru.
3) MENGGABUNG KEMBALI	Menyusun ayat-ayat secara urutan atau kronologi. Menyusun perkataan-perkataan atau frasa-frasa supaya menjadi ayat. Ayat-ayat yang diberi berbentuk koktektual.
4) KARANGAN TERKAWAL	Isi tempat kosong di dalam rencana atau karangan dengan perkataan atau frasa.  Procedur Kloz.
5) KARANGAN BEBAS	Mengarang berdasarkan gambar. Menyudahkan cerita. Pemerian (deskriptif) Pengisahan (naratif) Pemaparan (eksposisi) Ajakan (persuasif) Komentar Surat kiriman.

bersambung

## **UCAPAN ALUAN KETUA PERWAKILAN SINGAPURA DALAM SIDANG KE-26 MAJLIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA PADA 8.6.87**

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kami, perwakilan dari Singapura, atas kesudian MABBIM menerima kami di dalam persidangan yang penuh bererti ini buat kali ketiga selaku Pemerhati.

Kemesraan yang terjalin dari layanan baik pihak MABBIM adalah sesuatu yang telah mendorong kami lebih ghairah lagi di dalam partisipasi kami dalam sidang-sidang yang bersejarah ini.

Adalah satu fakta bahawa sejak Sumpah Pemuda dan kemerdekaan Indonesia, yang diikuti oleh Malaysia dan kemudiannya Negara Brunei Darussalam, akan wujud satu bahasa yang mempunyai kemampuan satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa langkah yang diambil oleh negara-negara Indonesia dan Malaysia di dalam mewujudkan MBIM pada tahun 1972 itu adalah satu penerokaan konkret yang akan dapat menggegas kewujudan bahasa ini sebagai bahasa moden. Apatah lagi apabila Negara Brunei Darussalam menjadi anggota penuh serta penghalusan Tujuan dan Fungsi yang baru-baru dimenteraikan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Haji Hassan Ahmad, Ketua Perwakilan Malaysia, sebentar tadi.

Tahniah kepada Indonesia dan Malaysia atas daya usaha mereka satu setengah dekad yang lalu itu.

Saya ingin menyingkap sejarah ringkas JBMS. Pada bulan

April 1980 sebuah jawatankuasa telah dibentuk dibawah riayah Kementerian Kebudayaan untuk melihatkan hal-hal yang bersangkutan dengan penyelarasan ejaan dan penggunaan istilah. Kemudian skopnya diperluaskan termasuk kecemasan bahasa di samping langkah pembaikannya melalui jawatankuasa ini. Juga melalui majalah SEKATA kami.

Kewujudan MABBIM juga tidak terlepas dari pemerhatian kami. Lantas kami memohon untuk menyertainya, dengan restu pemerintah kami pada tahun 1984 di bumi bertuah Jakarta, Indonesia, ini. Selainnya adalah sejarah.

Rakan saya dari Brunei Darussalam, Haji Ahmad Kadhi, telah menyatakan sebentar tadi tentang "jauh lebih kecilnya" sumbangan negaranya, maka kami dari Singapura pula tentulah jauh lebih kerdil lagi. Walau macam manapun kami akan cuba mengambil bahagian secara positif dan semoga pula dapat mengnyuhkan sesuatu secara tuntas pula.

Kata-kata orang tua kita ada menyatakan:

Duduk berpelarasan  
Dekat rumah  
Dekat kampung  
Sejamban setepian  
Seperigi sepermandian  
Segayung sepergiliran  
Bulat air kerana pembentung  
Bulat manusia kerana muafakat  
Kok labu menjalar ke hulu  
Buahnya sama dipetik  
Kok kundur menjalar ke hilir  
Pucuknya sama digantis  
Hati gajah sama dilapah  
Hati nyamuk sama dicecah

Cecahlah hati nyamuk dari Singapura ini. Sekian terima kasih.  
Wassalammualaikum wr. wb.

## **UCAPAN PENUTUP WAKIL PEMERHATI SINGAPURA – SIDEK SANIFF**

Yang saya muliakan Bapak Fuad Hassan, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia,

Yang dimuliakan Duta Singapura ke Indonesia, Sdr. Barry Desker,

Yang saya muliakan Datuk Haji Mohd. Khatib bin Abdul Hamid, Duta Besar Malaysia,

Yang saya muliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Hj. Badaruddin bin Pengerah Hj. Othman, Duta Besar Negara Brunei Darussalam,

Ketua-ketua perwakilan utusan dari Negara Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam.

Para wakil dari ketiga-tiga negara anggota MABBIM,  
Para tamu yang hadir,  
Saudara-saudari yang saya hormati.

Terlebih dahulu ingin saya melafazkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana telah mengizinkan kita semua berada di majlis yang bersejarah ini, di bumi dan bandaraya yang penuh sejarah pula.

Selaku ketua perwakilan Singapura berserta rakan-rakan saya ingin metintaemaskan terima kasih kami atas kesudian MABBIM mengundang dan menerima kami mengikuti sidang yang penuh bererti ini. Kemesraan dan layanan yang baik yang diberikan oleh pihak MABBIM pula telah memberi kami semacam perangsang untuk lebih giat lagi mengikuti persidangan ini di hari muka.

Di samping itu juga kami akan mencuba segigih mungkin untuk memberikan sumbangan kerdil kami kepada MABBIM.

Ini adalah kali ketiga kami menghadiri sidang ini selaku pemerhati dengaan restu dari pemerintah kami. Di dalam penyertaan setahun jagung ini, kami dapatkan:

1. Pengembelingan tenaga, daya usaha serta kesedaran yang menebal telah menyebabkan tahap kemajuan usaha ini begitu terserlah.
2. Keterbukaan para cendekiawan/pakar di dalam memberi dan menerima, di dalam mencari persamaan dan mengurang perlainan sehingga kesamaan istilah tertempah/tercapai antara 65 – 80% adalah satu contoh sofistikasi penglibatan dan kesedaran yang amat menggalakkan sekali. Sehingga, saya yakin, sejarah akan melihat/menyaksikan bahawa kelainan 20 – 30% itu wujud selaku simbiosis yang kreatif (creative symbiosis). Ia bukan penghalang. Ia tidak mengurang.
3. Kita perlu memasyarakatkan bahasa. Di dalam hal ini saya kira bahasa sastera mahupun bahasa ilmu punya peranan penting masing-masing. Sebagai contoh, Bahasa Inggeris selaku bahasa dunia yang sofistikated itu pernah diteguri penulisan bidang hukumnya oleh seorang peguam ternamanya sendiri, seorang maverick dan pemegang gelaran Queens Roll, Lord Denning. Di antara kekurangan peguam sekarang katanya adalah tentang kecondongan para peguam menulis sesuatu dengan tekun “betulnya” sesuatu term atau istilah itu sehingga menggenjut tentang “nyata atau terangnya” penulisan. (Lawyers tend to “correct” rather than “clear”).

Cukup mudahnya antara lain, berlakunya kegenjutan di dalam bentuk bahasa dan analisa akhirnya yang berkaitan dengan

memasyarakatkan bahasa itu. Dari sudut ini kita berpeluang untuk lebih berhati-hati dan tidak menjelakinya komen yang dibuat oleh Lord Denning itu.

Akhir sekali, sekali lagi terimalah ucapan setinggi-tinggi terima kasih dari kami untuk anda semua khususnya rakan-rakan dari Indonesia, terutamanya Pak Anton Moeliono sendiri. Kami terharu sekali dengan pelawaan tulus ikhlas dari anda sekelian untuk kami menjadi anggota penuh MABBIM. Ini kami ambil serius. Mudah-mudahan dalam waktu sesingkatnya terselesai. Sementara itu benarkan kami membawa kembali kenangan manis dari Jakarta dan tentunya Cipanas dan Bogor dan Bandung dan rakan-rakan yang menyebabkan kaki kami terinjak ke sana di bumi-bumi bertuah itu.

## PENGUMUMAN

Kami mempersilakan saudara-saudara mengirim sumbangan esei, pendapat, pengalaman mengajar bahasa, pandangan terhadap sesuatu buku bahasa, pertanyaan bahasa atau hal-hal lain yang sehubung dengannya kepada kami.

Tulisan-tulisan sebaiknya jika ditarik langkah dua, bagaimanapun tulisan tangan yang mudah dibaca diterima juga.

Tulisan-tulisan tersebut boleh dikirim kepada salah satu daripada dua alamat di bawah ini.

Ketua Editor SEKATA,  
67, Toh Tuck Road  
Singapura 2159.

atau

Bangunan PSA, Tingkat 37  
460 Alexandra Road  
Singapura 0511

